Bagi memperincikan kajian dengan lebih lanjut, kerangka konseptual digunakan untuk menjelaskan berkaitan kajian yang dijalankan. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual bagi analisis ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak. Kajian ini menggunakan data tahunan keciciran murid yang dilaporkan secara kumulatif di Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak serta berdasarkan faktor-faktor keciciran murid yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat tiga belas faktor menyebabkan keciciran yang disenaraikan tetapi hanya empat faktor yang releven untuk kajian ini. Faktor-faktor yang menyebabkan keciciran tersebut ialah tidak berminat, diberhentikan, tidak dapat dikesan dan faktor-faktor lain. Faktor-faktor tersebut dibahagikan kepada tiga faktor utama iaitu faktor individu, faktor keluarga dan faktor institusi. Kajian ini melibatkan 31 buah pejabat Pendidikan daerah serta 190 buah sekolah mennengah yang terletak dalam 108 grid untuk kawasan keciciran murid.

Data ruangan yang digunakan untuk kajian ini adalah seperti sempadan daerah Pendidikan, lokasi sekolah, sempadan dan sempadan grid. Data bukan ruangan pula terdiri daripada keciciran murid megikut tahun (2013-2018), jantina, kaum, tahap pendidikan, kaum dan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran. Penggunaan data ruangan dan bukan ruangan ini digunakan untuk mengenalpasti taburan ruangan keciciran murid berdasarkan tiga objektif yang telah ditetapkan iaitu (i) mengenalpasti corak ruangan keciciran murid

(ii) mengenalpasti kawasan *hot spot* keciciran murid dan (iii) menganalisis kolerasi ruangan keciciran murid dengan faktor-faktor keciciran. Kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ialah analisis *Global Moran's I, Getis Ord Gi*, Ordinary Lease Square (OLS)* dan *Moran's I.*

Hasil kajian ini ialah dapat (i) mengetahui taburan ruangan keciciran murid, (ii) mengesan kawasan *hot spot* keciciran murid dan (iii) merungkai kolerasi ruangan keciciran murid dan faktor-faktor keciciran yang akan dibincangkan dalam kajian ini



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Analisis Ruangan Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan data kumulatif laporan tahunan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak yang disediakan semua Pejabat Pendidikan Daerah dan diselaraskan oleh Sektor Pengurusan Sekolah di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri. Data keciciran murid adalah dari kelas Peralihan hingga Tingkatan Lima berdasarkan kesediaan data bagi tempoh 2013 hingga 2018. Aplikasi dalam perisian Sistem maklumat Geografi digunakan untuk pembangunan data serta digunakan untuk analisis ruangan keciciran murid serta faktor-faktor yang mempengaruhi keciciran.

Dalam menjalankan kajian, antara batasan yang dihadapi adalah maklumat murid yang tercicir tidak mempunyai ciri rujukan ruangan iaitu alamat kediaman murid. Bilangan murid yang tercicir adalah secara kumulatif berdasarkan nama sekolah menengah tempat murid berkenaan belajar. Proses perletakan koordinat murid dibuat dengan menggunakan *spatial random distribution* dalam grid lokasi sekolah murid yang tercicir berdasarkan jumlah murid yang tercicir dalam grid berkenaan. Di samping itu, maklumat latar belakang sosio ekonomi murid juga tidak dapat diperolehi kerana data murid yang cicir dipadamkan daripada Aplikasi Pangkalan Data Murid.

Di samping itu juga, walaupun terdapat 13 faktor yang disenaraikan oleh Bahagian Penyelidikan dan Dasar Pendidikan tetapi hanya empat faktor utama sahaja yang banyak menyebabkan keciciran murid dianalisis untuk menentukan corak ruangan dan kawasan *hot spot* keciciran murid.

1.7 Kepentingan Kajian

Pendidikan sekolah menengah secara universal dikenalpasti sebagai peringkat asas untuk menentukan keberkesanan sistem pendidikan sesebuah negara. Negara-negara maju memberikan tumpuan dan penyelidikan untuk mencari penyelesaian masalah yang semakin meningkat di kalangan murid terutamanya pada peringkat sekolah menengah.

Di Malaysia, kebanyakan latihan kemahiran ditawarkan selepas peringkat sekolah menengah atas. Justeru itu, pendidikan menengah merupakan sub-sektor penting untuk keseluruhan sistem pendidikan. Pendidikan sekolah menengah juga merupakan sumber tenaga kerja separuh mahir yang dikategorikan sebagai kumpulan sokongan dan perlaksana dalam pembangunan ekonomi negara serta bertindak sebagai pemangkin kepada peringkat pendidikan tertiari. Peringkat pendidikan tertiari terutamanya institusi pendidikan tinggi yang dijangka untuk menghasilkan golongan professional dalam pelbagai bidang sangat bergantung kepada kualiti pendidikan sekolah menengah. Pembinaan watak, pembangunan pesonaliti serta sifat kepimpinan untuk masa hadapan dipupuk dan disemai oleh remaja pada peringkat sekolah menengah. Peringkat pendidikan menengah juga merupakan satu peringkat yang menentukan persepsi asas dan permulaan cara kehidupan di masa hadapan. Oleh itu, pendidikan sekolah menengah haruslah dirumuskan untuk menyediakan sumber manusia yang dapat menyesuaikan diri dalam menjalani kehidupan yang berdaya saing serta produktif.

Kemajuan dalam bidang teknologi membolehkan kehidupan lebih mudah dan senang. Kemajuan teknologi telah mengubah ekonomi dunia dengan memberi kesan yang signifikasi terhadap kitaran pengeluaran dengan peningkatan produktiviti yang mengambil alih tugas manusia menyebabkan permintaan meningkat terhadap sumber manusia yang

berpengetahuan dan berkemahiran tinggi (Wang, 2012). Bagi memenuhi keperluan peningkatan tenaga kerja keperluan minimum untuk bersaing di pasaran adalah pada peringkat diploma. Justeru itu, dalam keadaan sedemikian sudah tentu keciciran murid akan memberi kesan yang serius dalam aspek sosial dan ekonomi negara.

Kajian analisis ruangan keciciran murid di peringkat sekolah menengah di Sarawak berdasarkan lokasi amat penting kerana dapatan kajian dapat membantu agensi kerajaan, pusat latihan dan kemahiran serta pihak berkepentingan untuk memastikan perlaksanaan dasar yang berkesan serta strategi responsif untuk menbendung keciciran murid dari sekolah. Selain itu, mengenalpasti dan memetakan mereka yang tercicir daripada pembangunan sumber manusia khususnya murid merupakan pendekatan yang penting untuk menyokong perlaksanaan dasar yang berkesan (UN,2016). Penentuan punca-punca utama yang mempengaruhi keciciran murid merupakan asas utama dalam program pencegahan awal berfokus kepada murid yang mempunyai tanda-tanda berkaitan keciciran (Battin-Pearson et al., 2000). Tambahan pula, perlaksanan dasar dan strategi yang betul akan dapat membantu kerajaan khususnya di negeri Sarawak untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan kebajikan serta pertumbuhan dan pembangunan negara dalam jangka masa panjang. Sekiranya trend keciciran tidak dapat dihapuskan sepenuhnya atau dikurangkan, masa depan murid yang tercicir seperti sudah terkubur (Ingrum, 2006).

1.8 Organisasi Penulisan Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab yang terdiri daripada Bab 1 yang menjelaskan tentang latar belakang kajian, isu dan penyataan masalah berkaitan keciciran murid yang mendorong kajian ini dijalankan. Dalam bab ini juga memperincikan persoalan kajian berdasarkan lompang yang dikenalpasti. Selain itu., bab ini juga mengandungi objektif

kajian yang ingin dicapai, kerangka konseptual untuk mengambarkan keseluruhan kajian, skop dan limitasi kajian serta kepentingan kajian.

Bahagian Bab 2 merupakan sorotan literatur yang mengetengahkan kajian-kajian lepas berkaitan keciciran murid, sistem pendidikan, definisi dan faktor-faktor keciciran, serta Sistem Maklumat Geografi dalam Pendidikan. Bab 3 merupakan bab yang memperincikan metodologi kajian. Dalam bab ini menjelaskan tentang (i) kawasan kajian, (ii) proses pembinaan pangkalan data dan (iii) kaedah analisis ruangan yang digunakan.

Seterusnya dalam Bab 4 kajian ini mengandungi tren keciciran murid serta dapatan objektif kajian iaitu (i) corak ruangan keciciran, (ii) kawasan hot spot keciciran dan korelasi ruangan keciciran murid dan fakkor-faktor keciciran. Bab 5 merupakan bab yang membincangkan hasil dapatan setiap objektif kajian iaitu corak ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak (2013 hingga 2018), kawasan hot spot keciciran murid dan korelasi ruangan antara keciciran murid dengan faktor-faktor keciciran murid. Bab ini juga membincangkan keseluruhan dapatan kajian, cadangan kajian masa depan dan sumbangan kajian.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini meninjau kajian lepas berkaitan keciciran murid. Bahagian awal akan membincangkan latar belakang teori yang digunakan untuk menerangkan fenomena keciciran. Teori *"Human Capital"* merupakan teori ekonomi yang menerangkan mengapa pelaburan dalam bidang pendidikan penting. Bahagian ini juga membincangkan tentang keperluan pendidikan dan perkaitan dengan ekonomi. Teori, *pushout* dan *pullout* juga dibincangkan untuk memahami keputusan berkaitan keciciran (berhenti sekolah). Di samping itu, teori capital juga diterangkan untuk mengenlpasti faktor yang menentukan keciciran murid. Ini kerana sesetengah penyelidik menganggap bahawa teori *Human Capital* tidak mencukupi untuk menerengkan fenomena keciciran.

Bahagian kedua dalam bab ini akan membincangkan definisi keciciran dan kadar keciciran dari pelbagai negara. Setiap institusi menggunakan konsep keciciran yang berlainan. Konsep dan definisi keciciran yang pelbagai menyebabkan penilaian dan kesimpulan umum berkaitan keciciran murid agak sukar. Bahagian ketiga dalam bab ini akan membincangkan tentang sistem pendidikan. Bahagian ini akan membandingkan beberapa sistem dan struktur pendidikan untuk memberi pemahaman lebih jelas berkaitan keciciran.

2.2 Latar belakang Teori

Bahagian ini menjelaskan teori yang mempengaruhi fenomena keciciran murid. Teori ini digunakan untuk menjelaskan model ruangan hasil analisis kajian. Penghasilan model dapat membantu untuk memahami fenomena keciciran murid berdasarkan teori yang sesuai. Terdapat empat teori yang dijelaskan dalam kajian ini iaitu (i) Teori Sumber Manusia, (ii) Teori Tingkah Laku Ekonomi, (iii) Teori Penarik dan Penolak dan (iv) Teori Modal Insan.

2.2.1 Teori Sumber Manusia

Teori Sumber Manusia adalah teori yang menjelaskan tentang kepentingan pelaburan dalam pendidikan formal (latihan pekerjaan dan kesihatan) yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup. Teori ini menjelaskan bahawa perbezaan gaji/upah adalah disebabkan oleh perbezaan dalam kemahiran dan kebolehan individu. Kemahiran dan kebolehan individu adalah pulangan pelaburan dalam sumber manusia. Pelaburan yang paling penting dalam sumber manusia ialah pendidikan, latihan dan kesihatan (Becker,2008). Teori sumber manusia dapat diubahsuai ke dalam Persamaan (1) seperti berikut yang boleh menjelaskan keciciran murid:

$$D_{it} = f(I_{it}, F_{it}, S_{it}, GM_t)$$

Di mana: D_{it} = keciciran murid

I_{it} = ciri Individu

F_{it} = ciri keluarga

S_{it} =ciri Sekolah

GM_t = polisi kerajaan dan ekonomi makro

i = individu

t = tempoh Persamaan (1)

Lebih banyak pelaburan dalam pendidikan dan latihan akan meningkatkan kemahiran seseorang dan seseorang individu yang mempunyai banyak kemahiran akan mempunyai prestasi yang lebih baik dalam pekerjaan serta gaji yang lebih tinggi. Becker (2008) menyatakan bahawa lebih ramai individu yang berpendidikan cenderung untuk memperolehi pendapatan di atas purata pendapatan. Oleh itu, setiap sumber manusia akan menentukan tahap kehidupan masyarakat.

Pelaburan dalam sumber manusia juga meningkatkan peluang dalam kejayaan/pencapaian dalam bidang ekonomi (Ingrum,2006). Teori ini mengimplikasikan bahawa seseorang sepatutnya tidak tercicir daripada persekolahan. Ini kerana jika seseorang murid tercicir akan menyebabkan mereka tidak mempunyai cukup kemahiran dan pengetahuan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan. Oleh itu, mereka akan dikategorikan sebagai pekerja tidak mahir dan hanya memperolehi gaji yang rendah. Keadaan ini mungkin menyebabkan murid yang tercicir untuk memperolehi kualiti kehidupan yang lebih baik. Disebabkan Teori Sumber manusia menekankan kepentingan untuk meningkatkan pelaburan dalam sumber manusia, setiap murid perlu menamatkan pendidikan menengah atas sebelum menyertai pasaran pekerjaan atau menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu, langkah pencegahan keciciran murid adalah perlu untuk meningkatkan pelaburan individu dalam sumber manusia. Teori Sumber Manusia memberi tumpuan kepada permintaan pendidikan. Permintaan untuk pendidikan bergantung kepada ibu bapa saja (Lincove,2014).

2.2.2 Teori Tingkah Laku Ekonomi

Antara keputusan yang menyebabkan sebilangan murid berhenti sekolah yang menyebabkan keciciran apabila pulangan ekonomi yang lebih besar dan awal daripada meneruskan Pendidikan (Koch et. al, 2015). Menurut White dan Dow (2016), keputusan untuk berhenti sekolah serta keutamaan untuk berkerja kerana mendapat kadar upah yang dapat menampung serta mengurangkan beban ekonomi keluarga dalam situasi semasa seseorang murid juga menyebabkan keciciran yang disebabkan tingkah laku ekonomi. Keputusan untuk seseorang murid berhenti sekolah adalah tidak rasional jika seseorang individu menilai kos semasa kerana kos semasa adalah jelas berbanding dengan faedah meneruskan persekolahan yang tidak jelas.

Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk membuat keputusan yang tepat apabila seseorang individu tidak memahami kesan keputusan tersebut kerana tidak mendapat maklumat yang jelas untuk serta mencukupi untuk membuat keputusan yang tepat (Roberto dan Kawachi,2016). Model tingkah laku ekonomi mencadangkan supaya maklumat yang jelas perlu supaya keputusan seseorang murid untuk berhenti sekolah adalah kurang tepat jika dijelaskan dengan ruang dan peluang untuk meneruskan persekolahan merupakan pilihan yang lebih baik.

2.2.3 Teori Faktor Penarik dan Penolak

Teori Faktor Penarik dan Penolak sering digunakan untuk menjelaskan sebab murid tercicir daripada sekolah dalam kajian yang tidak berkaitan dengan ekonomi. Teori Faktor Penolak menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor dari dalam sekolah yang mendorong murid keluar dari persekolahan seperti persekitaran dan polisi sekolah. Teori Faktor

Penarik pula menyatakan bahawa terdapat faktor luaran yang mempengaruhi keputusan murid untuk keluar dari sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, Rumbeger & Lim menjelaskan bahawa terdapat polisi/ tindakan pihak sekolah yang menyebabkan keciciran murid secara terpaksa. Pihak sekolah mengambil tindakan displin memberhentikan murid secara sistematik berdasarkan peraturan sekolah yang ketat kerana murid berkenaan menimbulkan masalah serta mempunyai prestasi akademik yang rendah. Keciciran murid yang diberhentikan dinyatakan oleh beberapa kajian lepas sebagai faktor penolak *pushout (*Boylan & Renzulli, 2017; Zimmer & Guarino,2013; Bradley & Renzulli, 2011). Dalam keadaan ini (Davis & Dupper,2004) mengatakan bahawa pushout merupakan langkah pihak sekolah yang memyebabkan murid tidak menamatkan alam persekolahan yang merupakan proses keciciran murid.

Walau bagaimanapun, terdapat juga definisi pushout lain yang menyebabkan murid keluar dari alam persekolahan disebabkan oleh persekitaran sekolah yang tidak kondusif. Antara persekitaran sekolah yang menyebabkan murid push out ialah buli. Kesimpulannya, *pushout* bermaksud murid secara sukarela berhenti sekolah disebabkan kurang sokongan dari pihak sekolah untuk meneruskan persekolahan. Teori pushout berkaitan dengan keperluan pendidikan. Keperlun pendidikan akan menurun apabila masalah buli dan gangguan meningkat di sekolah.

Pullout merujuk kepada keciciran berdasarkan keperluan kewangan dan keputusan untuk mencari pekerjaan (Bradley & Renzulli, 2011). Secara umum, teori pullout menjelaskan keciciran murid berdasarkan analisis kos-faedah (Stearns & Glennie,2006). Berdasarkan teori pullout, pasaran pekerjaan menarik murid keluar dari sistem persekolahan apabila permintaan pekerjaan kurang berkemahiran dan bergaji rendah

adalah tinggi (Stearns & Glennie,2006). Secara umumunya, pullout merupakan proses yang menyebabkan keciciran murid bukan dimulakan oleh pihak sekolah tetapi disebabkan oleh tindakan murid sendiri.

2.2.4 Teori Modal Insan

Pendekatan Teori Modal Insan saja tidak mencukupi untuk menjelaskan fenomena keciciran. Namun begitu, Teori Modal Insan menyumbang kepada pendekatan teori untuk mengenal pasti faktor keluarga mempengaruhi persekolahan seseorang individu. Pencapaian seseorang murid bukan sahaja dipengaruhi oleh Modal Insan tetapi dipengaruhi oleh cara interaksi dengan persekitaran sosial seseorang individu. Masalah interaksi sosial di kalangan keluarga boleh menyebabkan keciciran murid (Coleman, 1988). Ferguseon (2006) mengatakan bahawa interaksi sosial yang intensif di kalangan keluarga mengurangkan keciciran murid.

2.3 Sistem Pendidikan Dunia

Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Pendidikan yang baik membolehkan kanak-kanak untuk belajar dan mengasah bakat dan potensi mereka. Proses pembelajaran di sekolah membolehkan mereka untuk berinterksi dengan kanak-kanak yang lain. Persekitaran sekolah juga membolehkan kanak-kanak untuk belajar seperti membaca, menulis dan mengira serta menaakul. Persekolahan juga memperkenalkan kanak-kanak kepada dunia yang lebih luas dan memberi mereka peluang untuk mendapatkan peluang pekerjaan serta menyumbang kepada masyarakat. Proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah bergantung kepada sistem pendidikan sesebuah

negara. Setiap negara di duni mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri dan merupakan yang terbaik di negara tersebut. Pada tahun 2009 dilaporkan seramai 702 juta orang kanak-kanak didaftarkan untuk pendidikan rendah yang wajib di seluruh dunia berbanding dengan 646 juta orang kanak-kanak pada tahun 1999 (UNESCO, Institute of Statistics,2011).

Bahagian ini membincangkan sistem pendidikan di beberapa buah negara di seluruh dunia. Adalah penting untuk menerangkan pendidikan wajib untuk menerangkan tentang keciciran murid. Ini kerana kajian berkaitan keciciran murid di sekolah rendah hampir tiada di sekolah rendah negara membangun kerana pendidikan rendah adalah wajib berdasarkan undang-undang pada tahap umur tertentu mesti didaftarkan di sekolah rendah. Walau bagaimanapun di beberapa buah negara membangun tidak terdapat undang-undang berkaitan. Kajian lepas menunjukkan perkaitan yang kuat antara umur pendidikan wajib dan keciciran murid (Cabus & De Witte,2011;Raimondi & Vergolini, 2019).

2.3.1 Tempoh Pendidikan Wajib

Menurut, UNESCO pendidikan wajib merujuk kepada bilangan tahun atau umur apabila kanak-kanak secara sah mesti menghadiri persekolahan. Tempoh pendidikan wajib antara negara adalah berbeza-beza bermula dari tempoh minimum selama 4 tahun hingga tempoh maksimum selama 15 tahun seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**. Tempoh pendidikan wajib selama 9 tahun merupakan tempoh yang biasa dilaksanakan di kebanyakan negara di dunia iaitu 31% negara menggunakan tempoh ini, 47.7% adalah dari benua Asia dan benua Eropah (40.4%) mengaplikasikan sistem ini. Negara Bolivia, Uruguay dan Venezuela merupakan negara yang melaksanakan tempoh pendidikan wajib

paling lama iaitu selama 14 tahun. Walau bagaimanapun, semua negara anggota *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) menguatkuasakan tempoh pendidikan wajib sekurang-kurangnya 9 tahun. Tempoh pendidikan wajib berbeza-beza antara negara disebabkan oleh perbezaan struktur sistem pendidikan mengikut peringkat persekolahan, contohnya sistem 6+3+2 (6 tahun sekolah rendah+ 3 tahun menengah rendah + 2 tahun menengah atas) atau sistem 5+4+3 (5 tahun sekolah rendah+4 tahun menengah rendah + 3 tahun menengah atas).

Jadual 2.1: Bilangan Negara Dan Tempoh Pendidikan Wajib, 2011

Tempoh Pendidikan (Tahun)	Bilangan Negara	Peratus (%)
5	5	2.61
6	24	12.56
7	7	3.66
8	14	7.32
9	60	31.41
10	35	18.32
11	17	8.90
12	14	7.32
13	3	1.56
14	2	1.04

(Sumber: Institute for Statistics, UNESCO,2011)

Walaupun terdapat tempoh pendidikan wajib, sesetengah negara membenarkan murid secara sah menarik diri atau berhenti dari persekolahan pada umur tertentu. Contohnya, di New Zealand murid mula bersekolah pada umur 5 tahun tetapi Undang-undang umur pendidikan wajib adalah 6 tahun.

2.3.2 Umur Permulaan Pendidikan Wajib

Peringkat umur permulaan pendidikan wajib adalah berbeza-beza antara negara di dunia. Umur permulaan kemasukan biasanya bermula antara 5 tahun hingga 7 tahun dengan umur kanak-kanak 6 tahun adalah usia kemasukan yang paling biasa iaitu hampir 60% negara memulakan pendidikan wajib pada usia tersebut. Secara umumnya, pendidikan sekolah rendah merupakan peringkat permulaan pendidikan wajib tetapi di sesetengah negara lebih awal dari peringkat tersebut. Antara negara yang memulakan peringkat pendidikan wajib seawal umur 3 tahun adalah negara Venezuala sementara negara Ghana, Mexico dan Uruguay memulakan pendidikan wajib pada usia kanak-kanak 4 tahun. Kebanyakan negara di dunia memulakan pendidikan wajib pada umur 6 tahun atau lebih awal dan hanya 17.5% negara memulakan pendidikan wajib pada usia 7 tahun seperti yang

ditunjukkan dalam **Jadual 2.2.**

Jadual 2.2: Bilangan Negara dan Umur Permulaan Pendidikan Wajib, 2011

Umur (Tahun)	Bilangan Negara	Peratus (%)
3	1	0.52
4	3	1.55
5	27	13.92
6	116	57.79
7	34	17.53
Tidak melaksanakan	2	1.03
Tiada data	11	5.67
Jumlah negara	194	100

(Sumber: Institute for Statistics, UNESCO,2011)

Walau bagaimanapun tidak terdapat umur yang sesuai bagi semua negara untuk permulaan pendidikan wajib. Tahap umur perlaksanaan berbeza antara negara kerana mempunyai dasar pendidikan yang tersendiri. Misalnya, di United Kingdom umur

permulaan Pendidikan wajib adalah 5 tahun iaitu lebih awal jika dibandingkan dengan negara Eropha yang lain. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak dari latar belakang keluarga yang kurang untuk merapatkan jurang dalam kemahiran akademik (Sharp, 2002). Walau bagaimanapun, Sharp menyimpulkan bahawa tidak terdapat bukti yang jelas bahawa kanak-kanak yang awal mengikuti alam persekolahan terhalang kemajuannya

2.3.3 Struktur Sistem Pendidikan

Jadual 2.3 menunjukkan gambaran keseluruhan sistem pendidikan di 18 buah negara terpilih dari peringkat pendidikan pra sekolah hingga ke peringkat pendidikan tertiari. Berdasarkan maklumat di **Jadual 2.3** tidak terdapat satu sistem yang digunakan oleh semua negara. Struktur sistem pendidikan adalah pelbagai di antara negara tetapi sistem 6+3+3 adalah antara sistem yang paling biasa dilaksanakan di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Bagi peringkat pendidikan menengah atas, tahap umur adalah berbeza antara negara. Misalnya, di beberapa negara membangun seperti Malaysia, Indonesia, Filipina dan Afrika Selatan tahap umur rasmi untuk pendidikan menengah atas adalah 16 tahun manakala di negara maju seperti Amerika Syarikat, England, Itali dan New Zealand adalah pada umur 14 tahun. Ini menunjukkan tahap kematangan murid adalah berbeza di peringkat persekolahan menengah atas. Selain itu, tempoh masa pendidikan peringkat menengah atas juga berbeza yang terdiri daripada tempoh pendidikan selama 2 tahun, 3 tahun dan 4 tahun. Justeru itu, kajian keciciran murid sekolah menengah di Amerika dan Cambodia adalah berbeza kerana tempoh masa pendidikan serta umur permulaan pendidikan wajib yang berbeza.

Oleh itu, kajian keciciran murid yang menggunakan data merentasi negara adalah boleh menjadi bias. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Chaudhuri & Maitra (2008) berkaitan faktor penentu keciciran murid di peringkat sekolah rendah dan menengah menggunakan data daripada 138 buah negara. Ini kerana tempoh pendidikan wajib dan umur permulaan pendidikan adalah berbeza setiap negara akan menyebabkan dapatan kajian akan bias. Ini jelas menunjukkan bahawa kekangan dalam menjalankan kajian keciciran murid tidak hanya bergantung kepada definisi yang tidak seragam tetapi juga disebabkan oleh sistem struktur pendidikan dan umur permulaan rasmi pendidikan wajib yang berbeza.

Jadual 2.3: Struktur Sistem Pendidikan di negara ASEAN dan Negara Maju Terpilih

Umur (Tahun)	Malaysia	Singapura	Thailand	Filipina	Brunei	Indonesia	Vietnam	Laos	Cambodia	Myanmar
> 20	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi	Pendidikan Tinggi
20										
19										
18						Menengah Atas (3 tahun)				
17	Menengah Atas (2 tahun)	Menengah Atas (2 tahun)	Menengah Atas (3 tahun)	Senior High School (2 tahun)	Pasca Menengah		Menengah Atas (3 tahun)	Menengah Atas (3 tahun)	Menengah Atas (3 tahun)	
16					Menengah Atas					Menengah Atas (2 tahun)
15	Menengah Rendah (3 tahun)	Menengah Rendah (4 tahun)		Junior High School (4 tahun)		Menengah Rendah (3tahun)				
14			Menengah Rendah (3 tahun)		Menengah Rendah (3 tahun)		Menengah Rendah (4 tahun)	Menengah Rendah (4 tahun)	Menengah Rendah (3 tahun)	Menengah Rendah (4 tahun)
13										
12	Sekolah Rendah (6 tahun)					Sekolah Rendah (6 tahun)				
11		Sekolah Rendah (6 tahun)	Sekolah Rendah (6 tahun)	Sekolah Rendah (6 tahun)	Sekolah Rendah (6 tahun)		Sekolah Rendah (5 tahun)	Sekolah Rendah (5 tahun)	Sekolah Rendah (6 tahun)	Sekolah Rendah (5 tahun)
10										
9										
8										
7										
6	Pra Sekolah					Pra Sekolah				
5		Pra Sekolah	Pra Pendidikan Rendah	Pra Sekolah	Pra Sekolah		Pra Sekolah	Pra Sekolah	Pra Sekolah	
4										Pra Sekolah
3										

(Sumber : UNESCO,2016)

sambungan **Jadual 2.3**

<table>
<tr><td>Umur
(Tahun)</td><td>Australia</td><td>Denmark</td><td>England</td><td>Italy</td><td>Jepun</td><td>Korea Selatan</td><td>New Zealand</td><td colspan="4">Amerika Syarikat</td></tr>
<tr><td>> 20</td><td rowspan="4">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="2">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="2">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="3">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="3">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="3">Pendidikan Tinggi</td><td rowspan="2">Pendidikan Tinggi</td><td colspan="4" rowspan="2">Pendidikan Tinggi</td></tr>
<tr><td>20</td></tr>
<tr><td>19</td><td rowspan="2">Pasca Wajib Program Lanjutan</td></tr>
<tr><td>18</td><td rowspan="2">Menengah Atas (2 tahun)</td><td rowspan="3">Sekolah Menengah (5tahun)</td><td rowspan="3">Sekolah Menengah (5tahun)</td><td rowspan="15">Wajib</td></tr>
<tr><td>17</td><td rowspan="3">Menengah Atas (4 tahun)</td><td rowspan="3">Menengah Atas (3 tahun)</td><td rowspan="3">Menengah Atas (3 tahun)</td><td rowspan="3">Combined Junior Senior High School</td><td rowspan="4">4-Year High School (4 tahun)</td><td rowspan="3">Upper secondary School (3tahun)</td></tr>
<tr><td>16</td><td rowspan="3">Menengah Atas (2 tahun)</td><td rowspan="4">Menengah Atas (3 tahun)</td></tr>
<tr><td>15</td><td rowspan="4">Sekolah Komprehensif (Sekolah Rendah dan Menengah Rendah, (11tahun)</td><td rowspan="14">Wajib</td></tr>
<tr><td>14</td><td rowspan="3">Menengah Rendah (3 tahun)</td><td rowspan="3">Sekolah Middle (3 tahun)</td><td rowspan="3">Sekolah Intermediate (2 tahun)</td><td rowspan="4">Full Primary school (8 tahun)</td><td rowspan="4">Lower Secondary School (4 tahun)</td></tr>
<tr><td>13</td><td rowspan="3">Sekolah Menengah (4 tahun)</td><td rowspan="4">Menengah Rendah (3 tahun)</td><td rowspan="4">Wajib</td><td rowspan="4">Wajib</td><td rowspan="3">Sekolah Rendah (8 tahun) Kombinasi 8+4 tahun</td><td rowspan="3">Middle School (4 tahun)</td></tr>
<tr><td>12</td><td rowspan="4">Menengah Rendah (3 tahun)</td></tr>
<tr><td>11</td><td rowspan="4">Wajib</td><td rowspan="4">Wajib</td><td rowspan="4">Wajib</td><td rowspan="4">Contributing Primary School (6 tahun)</td><td rowspan="4">Sekolah Rendah (6 tahun) Kombinasi 6 + 6 tahun</td></tr>
<tr><td>10</td><td rowspan="5">Sekolah Rendah (6 tahun)</td><td rowspan="5">Sekolah Rendah (6 tahun)</td><td rowspan="4">Sekolah Rendah (5 tahun)</td><td rowspan="4">Sekolah Rendah (5 tahun)</td><td rowspan="4">Sekolah Rendah (4 tahun) Kombinasi 4 + 4 + 4</td><td rowspan="4">Sekolah Rendah (5 tahun) Kombinasi 5 + 4+3</td></tr>
<tr><td>9</td></tr>
<tr><td>8</td></tr>
<tr><td>7</td></tr>
<tr><td>6</td></tr>
<tr><td>5</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td rowspan="2">Pendidikan Rend</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td rowspan="2">Pra Sekolah</td><td colspan="4" rowspan="2">Pra Sekolah</td></tr>
<tr><td>4</td></tr>
<tr><td>3</td></tr>
</table>

(Sumber: UNESCO,2016)

2.4 Sistem Pendidikan di Malaysia

Sistem Pendidikan Kebangsaan diperingkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan terdiri daripada Pendidikan Prasekolah, Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Lepas Menengah dan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Voksional mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan menggunakan tiga teras utama iaitu penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, kurikulum kebangsaan dan menduduki peperiksaan yang sama. Melalui pengaplikasian teras utama ini menjadikan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai pencapaian minimum seseorang murid yang mengikuti pendidikan percuma selama 11 tahun iaitu pendidikan wajib di peringkat rendah (6 tahun) dan menengah (5 tahun)

2.4.1 Pendidikan Pra Sekolah

Pendidikan prasekolah disediakan dari seawal umur kanak-kanak 4 tahun hingga 6 tahun sebelum bermulanya pendidikan wajib. Pendidikan Prasekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menyatakan Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak (MOE,2020). Melalui pendemokrasian Pendidikan, dasar yang khusus membolehkan setiap kanak-kanak mempunyai peluang mengikuti prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, tempat tinggal, kumpulan etnik serta kanak-kanak yang berkeperluan khas. Dengan perlaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan berkaitan pendidikan prasekolah adalah untuk memastikan kanak-kanak di Malaysia yang berumur 4+ tahun hingga 5+ tahun mendapat pendidikan prasekolah yang

disediakan oleh KPM, agensi kerajaan seperti Tadika Perpaduan dan Kemas, pihak swasta serta badan bukan kerajaan.

Selain itu, KPM juga memastikan penggunaan Kurikulum Prasekolah kebangsaan digunakan di semua institusi prasekolah di Malaysia kecuali bagi prasekolah antarabangsa dan ekspatriat. Malah dengan menjadikan prasekolah swasta dan agensi-agensi lain sebagai sebahagian daripada sistem Pendidikan kebangsaan untuk meningkatkan kualiti Pendidikan prasekolah. Pelan Pembngunan Pendidikan Malaysia juga turut mengambil kira kepentingan pendidikan prasekolah dengan menggariskan tentang penyediaan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Sasaran dalam PPPM 2013-2025 adalah untuk meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat.

2.4.2 Pendidikan Rendah

Pendidikan sekolah rendah merupakan pendidikan wajib berdasarkan Akta Pendidikn 1996 (Akta 550) serta dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan wajib di Peringkat Rendah tahun 2003. Dasar pengoperasian Pendidikan rendah wajib merupakan undang-undang yang memerlukan seiap ibu bapa warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia hendaklah mendaftarkan anaknya di sekolah rendah apabila anaknya mencapai umur 6 tahun pada hari pertama dalam tahun persekolahan semasa. Di samping itu, ibu bapa juga perlu memastikan anak yang didaftarkan akan terus menjadi murid sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan rendah. Pendidikan ini adalah selama 6 tahun. Terdapat beberapa aliran Pendidikan rendah iaitu di sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (sekolah kebangsaan),

Bahasa Mandarin (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

2.4.3 Pendidikan Menengah

Pendidikan peringkat menengah bermula di peringkat menengah rendah selama 3 tahun iaitu dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 bagi murid-murid yang berumur 13 hingga 15 tahun. Pendidikan menengah rendah ini penting untuk memberikan pendedahan pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai Bahasa pengantar utama bagi menentukan hala tuju dan aliran pendidikan murid di peringkat menengah atas. untuk meneruskan persekolahan dalam aliran perdana atau kemahiran. Pendidikan Menengah Atas pula disediakan kepada murid-murid yang berumur 16 hingga 17 tahun (Tingkatan 4 hingga Tingkatan Lima) menjurus kepada aliran sastera, sains, agama, Teknik vokasional dan kemahiran bagi menyediakan murid -murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau alam pekerjaan. Walau pun Pendidikan menengah bukan merupakan pendidikan wajib tetapi merupakan pendidikan percuma yang disediakan dari Kelas Peralihan sehingga Tingkatan 5.

Selain itu, di peringkat pendidikan menengah juga terdapat beberapa kategori sekolah menengah yang dilaksanakan iaitu Sekolah menengah Kebangsaan Harian, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Seni Malaysia, Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Sukan Negeri, Sekolah Menengah kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Vokasional. Bagi murid berkeperluan khas juga terdapat Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional.

2.4.4 Pendidikan Lepas Menengah

Akta Pendidikan 1996(Akta 550) menyatakan “pendidikan lepas menengah” ertinya pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikuti Pendidikan lepas menengah tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi. Terdapat tiga jenis pendidikan lepas menengah yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Tingkatan 6, program matrikulasi dan Diploma International Baccalaureat.

Tingkatan 6 menawarkan dua bidang utama iaitu bidang sains sosial (kemanusiaan dan agama) dan Bidang Sains. Tempoh pengajian bagi Tingkatan adalah selama tiga semester dan murid yang Berjaya menamatkan Tingkatan 6 akan memperolehi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Murid yang telah berjaya menamatkan persekolahan menengah atas dan telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) layak untuk ditawarkan pengajian di Tingkatan 6 jika memenuhi syarat umum dan syarat khusus bagi bidang yang ditawarkan.

Bagi matrikulasi pula yang diwujudkan pada tahun 1998 merupakan program persediaan bagi pelajar bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Program matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bertujuan menyeragamkan semua program matrikulasi atau asasi yang dikendalikan oleh institusi pengajian tinggi awam.

Program Diploma International Baccalaureat (IB) pula merupakan program prauniversiti yang mendapat pengiktirifan antarabangsa dijalankan dalam tempoh dua tahun atau empat semester. Kementerian Pendidikan Malaysia berperanan menyelaras pengoperasian Program Diploma IB di sekolah KPM manakala International Baccalaureate

Organization (IBO) yang berpusat di Geneva, Switzerland bertindak sebagai badan yang menggubal dasar, kuikulum, penaksiran dan mengawal kualiti pelaksanaan program. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak dan tahun 2016 di Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan.

2.4.5 Pendidikan Jenis Khas

Pendidikan di Malaysia sentiasa dinamik bagi memastikan semua warganegara mendapat pendidikan selaras dengan konsep *Education for All* yang digarapkan oleh UNESCO. Dengan perlaksanaan Dasar Pendidikan Wajib, KPM memberi akses pendidikan formal di institusi lain selain daripada sekolah harian melalui Pendidikan Jenis Khas. Ini bertujuan untuk mengatasi keciciran murid disebabkan oleh faktor kesihatan, tidak memiliki dokumen serta memberi peluang kedua kepada juvana dan banduan muda memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum serta sahsiah.. Antara sekolah jenis khas adalah seperti Sekolah Dalam Hospital (SDH), Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dan sekolah dalam penjara (Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney).

Sekolah Dalam Hospital merupakan inisiatif bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengatasi keciciran murid yang ketinggalan sesi persekolahan apabila menerima rawatan untuk tempoh yang lama atau berulang di hospital. SDH merupakan pusat pembelajaran di hospital yang khusus dan berstruktur serta berfokus kepada kesediaan dan keupayaan murid bermasalah kesihatan. Pembelajaran dan pengajaran di SDH adalah berorientasikan didik hibur serta fleksibel bagi guru sebagai pemudahcara untuk membantu murid mengikuti pembelajaran di SDH bagi membolehkan murid meneruskan persekolahan di luar amalan persekolahan yang konvesional.

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) merupakan usaha KPM bagi menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir selaras dengan konsep yang digarapkan oleh UNESCO, *Education For All*. SBJK menyediakan pendidikan formal dengan modifikasi kurikulum dan pengoperasian sekolah bersesuaian dengan keadaan setempat dari peringkat prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan asas vokasional.

Sekolah dalam penjara menyediakan pendidikan secara formal di institusi penjara dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Program yang dilaksanakan adalah bertujuan memberi peluang kedua kepada juvana dan banduan muda memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum, kemahiran dan sahsiah diri sepanjang tempoh pemulihan dan rawatan di dalam penjara. Pendidikan di penjara disediakan kepada penghuni berumur antara 15 hingga 21 tahun bagi Sekolah Henry Gurney dan banduan muda di Sekolah Integriti. Pengkelasan murid bukan berdasarkan tahap umur seperti di sekolah aliran perdana tetapi mengikut tahap pencapaian akademik penghuni atau banduan sebelum menjalani tempoh tahanan dan pemulihan.

2.5 Definisi Keciciran

Antara cabaran yang dihadapi dalam kajian berkaitan keciciran ialah definisi yang pelbagai dan tidak seragam. Ini kerana tidak terdapat satu ketetapan bagaimana mendefinisikan keciciran yang dipersetujui bersama secara universal disebabkan oleh ketidakseragaman peraturan dan sistem pendidikan (Natriello,1987) dalam (Dekkers & Claassen, 2001;Mughal & Aldridge, 2017; Stephen, Lamb & Markussen, 2011). Namun

demikian, antara definisi keciciran murid yang paling banyak digunakan ialah oleh Morrow (1986) dalam (Kyridis et al., 2011).

Walau bagaimanapun, agensi statistik, agensi antarabangsa, pihak berkaitan pendidikan, pusat penyelidikan dan penyelidik menggunakan konsep keciciran yang berlainan. Sesetengah agensi menggunakan definisi keciciran secara umum dan meluas seperti UNESCO, OECD dan Bank Dunia. Contohnya, UNESCO mendefinisikan keciciran sebagai murid yang meninggalkan persekolahan dalam tahun tertentu. Manakala di Amerika US National Centre of Education (NCES) memberikan takrifan keciciran yang secara spesifik dan teknikal. Dalam kajian ini, definisi keciciran yang digunakan ialah murid yang telah mendaftar tetapi tidak meneruskan persekolahan Pendidikan formal akan digunakan. **Jadual 2.4** menunjukkan pelbagai definisi keciciran murid oleh pihak berkaitan Pendidikan, agensi statistik dan agensi antarabangsa.

Jadual 2.4: Definisi Keciciran yang digunakan oleh Agensi

Agensi	Definisi keciciran
Kementerian Pendidikan Malaysia	1. Murid yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah atau murid yang tidak hadir melebihi tiga (3) hari berturut-turut tetapi tidak termasuk murid yang tidak hadir ke sekolah kerana ponteng, masalah kesihatan atau telah dikecualikan oleh Menteri di bawah sukseksyen 29A (3) daripada mengikuti pendidikan wajib. 2. Murid yang mendaftar tetapi tidak meneruskan persekolahan dalam sistem pendidikan formal (KPM, sekolah kerajaan negeri dan swasta) Sumber: Akta Pendidikan 1996 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002

sambungan **Jadual 2.4**

Agensi	Definisi keciciran
	3. Tidak menamatkan pengajian di sekolah tinggi atau tidak menamatkan program pendidikan negeri atau daerah yang diluluskan; 4. Tidak memenuhi mana-mana daripada keadaan berikut
	a. Berpindah ke sekolah awam dalam daerah, sekolah swasta, atau program pendidikan negeri atau daerah yang b. Ketiadaan sementara di sekolah yang dibenarkan disebabkan pengantungan atau sakit, c. Mati Sumber: US Department of Education-National Center for Education Statistics (2011)
OECD	Keciciran didefinisikan sebagai murid yang meninggalkan tahap pendidikan yang ditetapkan dalam sistem pendidikan tanpa mendapat tahap kelayakan) Sumber: OECD (2002)
UNESCO	Murid yang meninggalkan persekolahan dalam tahun tertentu Sumber: UNESCO (2011)
Bank Dunia *World Bank*	Murid (lelaki, perempuan) dalam mana-mana gred rendah dan menengah dalam tahun persekolahan dan tidak lagi menghadiri persekolahan pada tahun persekolahan berikutnya. Sumber: *World Bank (2011.)*

2.6 Faktor-faktor Keciciran

Berdasarkan kajian lepas, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keciciran murid. Walau bagaimanapun, faktor keciciran murid dapat dikategorikan kepada dua kategori berdasarkan kerangka Konseptual Model Pencapaian Sekolah Tinggi yang dibangunkan oleh Rumbeger dan Lim (2008) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.6. Berdasarkan model tersebut terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi keciciran murid iaitu faktor individu dan faktor institusi.

Kebanyakan kajian berkaitan keciciran murid di negara maju bertumpu kepada keciciran di peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas kerana kebarangkalian

untuk murid tercicir di sekolah rendah adalah kurang. Ini kerana dasar pendidikan wajib di peringkat sekolah rendah yang mengenakan denda atau hukuman kepada ibu bapa atau penjaga sekiranya tidak menghantar anak untuk mengikurti program pendidikan di sekolah. Walaubagaimanapun, keciciran murid di negara membangun bukan hanya berlaku di peringkat menengah atas tetapi di kesemua peringkat persekolahan. Justeru itu adalah perlu untuk membandingkan faktor keciciran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah serta antara membangun dengan negara maju berdasarkan kategori negara yang dikeluarkan Bank Dunia.

2.6.1 Faktor Individu

Keciciran murid yang disebabkan oleh faktor individu berlaku di semua peringkat pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Latar belakang demografi murid memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keciciran murid. Berdasarkan ciri demografi di peringkat sekolah rendah, gender murid dan keciciran mempunyai hubungan yang kuat berdasarkan kajian yang di negara membangun. Kajian di Kenya (Lloyd et al., 2005), Nigeria (Regina & Stella, 2010) dan Cambodia (No & Hirakawa, 2012) mendapati murid perempuan tercicir lebih tinggi daripada murid lelaki. Selain itu, kajian di Egypt (Hanushek et al., 2008) juga mendapati murid lelaki kurang tercicir jika dibandingkan dengan murid perempuan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak menghairankan kerana masyarakat Egypt secara tradisi memberi pendidikan yang rendah terhadap anak perempuan. Namun demikian, kajian di Romania pula mendapati murid lelaki lebih ramai tercicir daripada murid perempuan (Iuliana et al., 2015).

Seterusnya, kajian yang dijalankan di Sepanyol (Peraita & Pastor, 2002) sebagai sebuah negara maju mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan keciciran murid sekolah rendah dari segi jantina. Di peringkat sekolah menengah rendah pula, kajian di Kanada mendapati murid lelaki lebih cenderung untuk tercicir berbanding dengan murid perempuan (Bergeron et al., 2011). Keciciran murid di peringkat sekolah menengah rendah di negara membangun juga mendapati murid lelaki lebih ramai tercicir berbanding dengan murid perempuan berdasarkan kajian di kawasan pedalaman negara China (Mo et al., 2011).

Pada peringkat persekolahan menengah atas, sesetengah kajian di barat mendapati murid lelaki lebih cenderung untuk tercicir berbanding dengan murid perempuan. Contohnya kajian di Amerika Syarikat (South et al., 2007; Suhyun & Jingyo, 2011) dan Perancis (Blanchard, M., & Sinthon, R. 2011). Walau bagaimanapun, kajian di negara membangun mendapati kadar keciciran di kalangan murid perempuan lebih tinggi di peringkat menengah atas seperti di Nigeria (Ajaja, 2012) dan Bangladesh (Shahidul, 2013).

Keciciran dalam pendidikan bukan hanya berlaku di peringkat sekolah rendah dan menengah sahaja tetapi juga belaku di peringkat pendidikan tinggi. Kajian di Amerika mendapati pelajar lelaki di universiti lebih ramai tercicir berbanding dengan pelajar wanita (Stinebrickner & Stinebrickner, 2014), manakala Belloc, Maruotti dan Petrella (2010) membuat kesimpulan bahawa pelajar lelaki di universiti Itali kurang berkemungkinan untuk tercicir jika dibandingkan dengan pelajar wanita. Selain itu, kajian di Perancis oleh Gury (2011) pula mendapati pelajar wanita lebih cenderung tercicir pada tahun pertama peringkat pengajian manakala pelajar lelaki pada tahun keempat pengajian atau lebih

tinggi. Dapatan kajian di negara membangun juga mendapati pelajar lelaki di Brazil lebih ramai tercicir berbanding dengan pelajar wanita serta perkahwinan meningkatkan kemungkinan untuk tercicir (Guimarães et al., 2010). Namun demikian, pelajar wanita di Uganda lebih cenderung untuk tercicir berbanding dengan pelajar lelaki (Aguti et al., 2009).

Seterusnya,ciri demografi yang digunakan untuk menentukan keciciran murid adalah etnik dan bangsa. Beberapa kajian menunjukkan dapatan yang berbeza tentang perkaitan antara etnik dan keciciran. Etnik minoriti di sesebuah negara menyumbang kepada keciciran murid. Kajian di Amerika mendapati kebarangkalian keciciran murid peringkat menengah atas yang lebih tinggi di kalangan kumpulan kaum minoriti (Rumberger & Thomas, 2000; Suhyun & Jingyo, 2011). Manakala, murid berkulit hitam kurang cenderung untuk tercicir berbanding dengan murid berkulit putih (South et al., 2007). Sementara itu, kajian lain mendapati murid dari etnik kulit hitam, kulit putih dan Hispanic lebih cenderung untuk tercicir berbanding dengan etnik Asia (Roebuck et al., 2004). Kajian di negara membangun juga menunjukkan dapatan yang sama.Contohnya di Kemboja, kaum minoriti entnik Cham lebih cenderung untuk tercicir ketika berada di Gred 5 pada peringkat sekolah rendah (No & Hirakawa, 2012). Di peringkat pendidikan tinggi pula, kajian di England oleh Vignoles dan Powdthavee (2009) menunjukkan pelajar dari etnik minoriti kurang cenderung untuk terccir berbanding dengan etnik berkulit putih.

2.6.2 Faktor Institusi

Keciciran murid juga secara langsung dipengaruhi oleh faktor institusi yang terdiri daripada institusi keluarga, sekolah dan masyarakat (kejiranan). Struktur keluarga merujuk kepada bilangan dan jenis individu yang terdapat dalam sesebuah isi rumah.

Kebarangkalian murid yang tercicir adalah lebih tinggi dari kalangan saiz keluarga yang besar berbanding dengan keluarga yang kecil di negara maju seperti Sepanyol (Peraita & Pastor, 2002) dan negara membangun seperti Kemboja (No & Hirakawa, 2012). Walau bagaimanapun dapatan kajian di Uganda mendapati, murid yang berasal dari keluarga yang besar lebih cenderung untuk meneruskan persekolahan berbanding murid dari saiz keluarga yang kecil di peringkat sekolah rendah (Mike, Nakajjo & Isoke,2008).

Lokasi sekolah merupakan antara faktor institusi yang mempengaruhi keciciran murid. Contohnya, murid sekolah rendah di kawasan luar bandar Uganda lebih cenderung untuk cicir berbanding dengan murid di kawasan bandar serta jarak perjalanan murid yang jauh dari sekolah juga cenderung untuk cicir (Mike et. al,2008). Di peringkat menengah atas juga, keciciran murid berlaku di negara maju seperti di kawasan luar bandar di negara Amerika (Suhyun & Jingyo, 2011) dan Perancis (Blanchard, M., & Sinthon, R. 2011). Walau bagaimanapun dapatan kajian Rumbeger dan Thomas (2000) menunjukkan bahawa keciciran lebih banyak berlaku di sekolah bandar berbanding pinggir bandar dan pedalaman.Kajian di Nigeria oleh Ajaja (2012) yang menfokuskan peranan ciri struktur sekolah dalam mempengaruhi pencapaian sekolah mendapati lokasi sekolah mempengaruhi keciciran murid di peringkat menengah atas. Di Malaysia, tahap aksesibiliti murid Orang Asli terhadap kemudahan Pendidikan merupakan antara faktor yang menyebabkan keciciran (Marzuki et al., 2017)

2.7 Sistem Maklumat Geografi Dalam Pendidikan

Peranan analisis ruangan dalam penyelidikan pendidikan memang sudah terkenal terutamanya dalam bidang pemilihan sekolah yang dikendalikan oleh pelbagai institusi, demografi dan geografi tempatan (Lubienski & Lee, 2017). Ini kerana keupayaan Sistem

Maklumat Geografi membantu penyelidik pendidikan, pembuat dasar dan masyarakat umum menerangkan maklumat dengan lebih cepat, komprehensif serta meneroka ketidaksamaan dalam bidang pendidikan (Mann & Saultz, 2019; Yoon & Lubienski, 2018). Selain itu, pihak pentadbiran pendidikan di peringkat daerah dan negeri juga boleh menggunakan SMG untuk menyokong proses membuat keputusan, memberikan maklumat yang menyeluruh dan mudah diakses tentang sesuatu pekara terutamanya berkaitan perkhidmatan merentas unit pentadbiran (Bruno, 1996). Keupayaan SMG memaparkan corak geografi tidak sekata secara visual juga dapat membantu pihak pentadbir memahami skop perbezaan pendidikan. Schultz (2014) menggunakan SMG untuk memetakan taburan pengagihan guru berkelayakan yang tidak sekata di metropolitian St Louis. Kajian mendapati bahawa penempatan guru yang kurang berkelayakan berterusan di kawasan murid yang datang dari pelbagai latar belakang serta sosioekonomi yag lebih rendah. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan SMG untuk membangunkan pandangan baru mengenai peluang dalam pendidikan. Sohoni & Saporito (2009) mengkaji hubungan antara kediaman dengan pengasingan sekolah, Saporito (2017) hubungan bentuk geografi zon kehadiran ke sekolah dengan tahap pendapatan.

Sistem Maklumat Geografi juga digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam kelas (Langley,2001) dan pengajaran STEM (Ercan, Bozkurt Altan, Taştan, & Dağ, 2016). Antara aplikasi SMG dalam bidang pendidikan ialah digunakan untuk perancangan (Attfield et al., 2001; G. P. Clarke & Langley, 1996; Mulaku & Nyadimo, 2011), pengurusan dan perkhidmatan prasarana pendidikan (Al-Rasheed & I. El-Gamily, 2013) dan pentadbiran (Langley, 2001).

Dalam perancangan pendidikan SMG digunakan untuk menganalisis taburan sekolah bagi melihat ketersampaian (Yang et al., 2017), pemetaan sekolah untuk sistem sokongan keputusan (Al-hanbali et al., 2003; Mulaku & Nyadimo, 2011), perancangan dan analisis kemudahan pendidikan (County et al., 2010). GIS juga dapat digunakan untuk sebagai sistem permodelan persempadan kawasan tadahan sekolah terutamanya di kawasan bandar berdasarkan kriteria tertentu (Caro et al., 2004).

Antara aplikasi GIS dalam pentadbiran pendidikan digunakan untuk mengkaji mod pengangkutan murid dan strategi perancangan bandar. Masouleh et. al.,(2009) menggunakan teknik *Multiplicatively Weighted Voronoi Diagram (MWVD)* untuk mengambarkan kawasan kehadiran murid perempuan menengah rendah di bandar Rasht, Utara Iran. Kajian menunjukkan bahawa kawasan kehadiran ke sekolah yang dicadangkan dapat menghasilkan perjalanan murid yang lebih singkat, selamat dan mudah untuk berjalan kaki serta dapat mengurangkan keperluan menggunakan kenderaan ke sekolah. Manakala Kelly & Fu (2014) menggunakan kaedah ekonometrik dan GIS untuk memahami model fator yang menentukan keputusan untuk memilih jenis pengangkutan yang digunakan ke sekolah di Dublin, Ireland.

Di Malaysia, Danggat & Tarmiji (2009) mendapati pemaparan secara visual masalah penempatan guru terutamanya berkaitan dengan ketidaksepadanan dapat memberi maklumat yang jelas dari segi lokasi sekolah yang terlibat serta dapat menyokong keputusan penempatan guru dengan lebih berkesan di peringkat mikro. Abd Kadir & Adnan (2016) mencari potensi teknik geospatial untuk menganalisis pencapaian murid dalam peperiksaan SPM dalam mata pelajaran Matematik dan Sains dari tahun 2010 hingga tahun 2014 di negeri Kelantan. Teknik *inverse distance weighted* (IDW) digunakan

untuk memetakan keputusan gred purata mata pelajaran Matematik dan Sains sebagai pemboleh ubah. Manakala, Bukhari, Rodzi & Nordin (2010) menggunakan teknik *spatial multi-criteria decision analysis* untuk menghasilkan model kawasan sekolah selamat di Mukim batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Terdapat sepuluh kriteria yang digunakan untuk penentuan lokasi sekolah selamat ialah jarak dari kawasan industri, komersial, letakan dengan jalan utama, bacaan API (kualiti udara), bacaan tahap kebisingan, kecerunan, ketinggian, risiko banjir, jarak dari saliran dan jarak dari talian penghantaran elektrik. Kriteria ini dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu infrastruktur (industri, komersial, jalan utama, penghantaran elektrik), persekitaran (API, tahap kebisingan, saliran) dan fizikal (kecerunan, ketinggian, ancaman banjir). Leng, Narimah & Morshidi (2016) menggunakan GIS dan analisis ruangan untuk memetakan taburan ruangan dan mengenalpasti taburan institusi pendidikan tinggi wilayah utara Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa beberapa kawasan dengan kepadatan penduduk miskin yang tinggi mempunyai aksesbiliti yang rendah ke institusi pengajian tinggi.

Aziz et al. (2014a) menilai penggunan GIS untuk menentukan jarak yang sesuai dari rumah ke sekolah sebagai langkah keselamatan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Dapatan kajian digunakan untuk pemetaan jarak selamat yang sesuai bagi murid dari golongan berpendapatan rendah untuk berjalan kaki ke sekolah daripada menggunakan mod pengangkutan yang lain. Hashim, Sadek, & Wan Mohd (2018) menggunakan analisis ruangan untuk mengenalpasti hubungan corak taburan sekolah *hotspot* dan indeks jenayah di Mukim Petaling dan Klang Selangor. Teknik yang digunakan ialah *multiple ring buffer (proximity analysis), location quotient crime (LQC)* dan *Spearman's Correlation*. Dapatan kajian menunjukkan hubungan kolerasi positif yang lemah antara sekolah hotspot dan

indeks jenayah pada tahap keyakinan 95%. Aziz et al. (2014) mengunakan teknik *route network analysis* untuk mengenalpasti perjalanan selamat ke sekolah. Parameter keselamatan yang digunakan adalah jarak, keadaan trafik dan mod mobiliti murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jarak laluan terdekat murid menggunakan mod berjalan kaki ke sekolah perlu melalui beberapa persimpangan yang merbahaya walaupun mematuhi jarak perjalanan yang selamat. Nasir et al. (2015) pula membangunkan model GIS@School di Tanjung Malim untuk melakar dan menggabungkan keupayan visual dalam mengkaji secara ruangan kawasan yang berpotensi menjadi lokasi murid terlibat dengan masalah sosial.

SMG di sekolah juga dapat diaplikasikan sebagai medium pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran Geografi terutamanya kajian lapangan (Tarmiji & Narimah,2009; Tarmiji et. al.,2009, Vasugiammai & Tarmiji,2009).

Lagrab dan Aknin (2015) menganalisis taburan perkhidmatan pendidikan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) di bandar Mukalla, Yemen. Data yang digunakan adalah lokasi tadika termasuklah maklumat nama dan bilangan kanak-kanak, data populasi serta data survei yang dikumpul menggunakan GPS. Selain itu, kajian ini turut menggunakan data guna tanah. Kajian ini menggunakan *Mean Center Tools* untuk mengenal pasti titik tengah kepadatan populasi dan tadika untuk mengukur jarak. Teknik *point distance* pula digunakan untuk mengenal pasti kawasan liputan Kindergarten manakala multiple buffer pula digunakan untuk menentukan lokasi yang sesuai untuk pembinaan tadika. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan sekolah tadika yang didirikan

di bandar Mukalla tidak mempertimbangkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Zhang et al. (2020) menjalankan analisis ruangan pendidikan sekolah rendah dan menengah bagi kanak-kanak migran yang pindah kerja di Wilayah Liaoning. Kajian ini dijalankan mengunakan dua teknik analisis iaitu *Kernel Density Estimation* dan pekali variasi untuk mengukur aglomerasi ruang kanak mengikut sekolah rendah dan menengah menggunakan data 2008 hingga 2017. Hasil analisis menunjukkan kadar perkembangan kanak-kanak sekolah rendah lebih tinggi.Kajian ini juga mendapati wujud pengelompokan sekolah rendah dan menengah dengan pelbagai saiz (jumlah sekolah) di kawasan bandar.

Moghayer et al. (2018) menggunakan analisis *Nearest Neighbor* untuk mengkaji taburan ruangan perkhidmatan sekolah awam di bandar Nablus dan keputusan menunjukkan corak kelompok. Pembinaan sekolah-sekolah di kawasan Rafidya, Almakhfeya, Ras Al-Ain, dan Al-Dawar didapati tidak memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Tanveer et al. (2020) menjalankan analisis corak ruangan pendidik di Abbottabad, Pakistan. Kajian ini menggunakan 153 sekolah awam dan dikumpul menggunakan GPS bagi mendapatan rujukan koordinat (x, y) sekolah. Jaringan jalan raya dibuat berdasarkan *Google Imagery*. Kajian ini menggunakan analisis ruangan *Nearest neighbor, K-function, Spearman's Rho* dan *directional analysis*. Analisis corak titik menunjukkan bahawa lebih daripada 50% sekolah menengah adalah berkelompok di selatan bandar dan selebihnya di kawasan utara. Pembahagian sekolah rendah agak seragam berbanding dengan sekolah menengah tetapi banyak sekolah rendah berada di luar sempadan bandar. Sekolah yang

terletak di luar sempadan bandar berada di kawasan tinggi, berbukit dan sukar untuk dicapai pelajar sekolah rendah, terutama pada musim sejuk.

Richard dan Ogba (2016) menganalisis kesesuaian aksesibiliti sekolah menengah di Andoni L. G. A di River State, Nigeria. Kajian ini menggunakan analisis *Euclidean Distance* untuk mengukur jarak sekolah dari rumah, sungai manakala *Weighted Overlay* digunakan menilai faktor petempatan,, sekolah dan guna tanah bagi menentukan kesesuaian perletakkan lokasi sekolah menengah baru. Hasil dapatan menunjukkan bahawa Oronija, Akaradi dan Isiodum adalah kawasan yang sesuai untuk pembinaan sekolah menengah baru kerana sekolah menengah yang sedia ada mempunyai halangan iaitu rangkaian sungai di kawasan kajian. Sistem maklumat geografi telah terbukti sebagai alat berkesan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Saleh et al. (2019) menjalankan kajian status pendidikan sekolah rendah di negeri-negeri dan wilayah kesatuan di India. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti kawasan hot spot dan cold spot sekolah rendah menggunakan teknik analisis kluster dan *Getis Ord Gi**. Kajian ini menggunakan data sekolah rendah 2005-2015 yang dikeluarkan oleh National University of Educational Planning and Administration (NUEPA). Kajian ini turut menggunakan data populasi penduduk. Kepadatan populasi penduduk diperoleh dengan mengira jumlah populasi dengan keluasan kawasan. Hasil analisis kluster menunjukkan kawasan utara India iaitu Bihar, Jharkhand West Bengal, Assam, Meghalaya dan Arunachal Pradesh adalah mempunyai pengelompokan yang rendah manakala kawasan Selatan India iaitu Kerala dan Tamil Nadu menunjukan pengelompokan yang tinggi. Analisis *Getis Ord Gi** menunjukkan kawasan hot spot di Selatan India iaitu Tamil

Nadu, Kerala, Karnataka dan Andhra Pradesh dalam tempoh 10 tahun. Kajian juga mendapati kebanyakan kawasan cold spot terletak di bahagian Utara, India.

Jana dan Sar (2016) memodelkan hot spot menggunakan cluster outlier analysis, *Inverse Distance Weighted (IDW)* dan *Getis Ord Gi** untuk membangunkan pendidikan tinggi dan rendah di India. Kajian ini menggunakan data pendidikan dari tahun 2005-2014n dan sempadan daerah India. Hasil analisis menunjukkan Tamilnadu, Andhra Pradesh dan kerala mempunyai tahap pendidikan yang sangat maju manakala Bihar, Jharkhand, Odisha, Benggala Barat dan Arunachal Pradesh menunjukkan tahap pendidikan yang mundur pada tahun 2005 dan 2006. Hasil analisis juga menunjukkan pendidikan tinggi kebanyakannya bertaburan di Selatan dan Barat Daya India 2005-2010. Kawasan hot spot terletak di Selatan Inida manakala kawasan cold spot terletak di Timur Laut India.

Sumari et al. (2019) mengkaji ruang taburan sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan berbukit di bandar Abbottabad. Data ruangan adalah terdiri daripada sempadan bandar Abottabad di Pakistan dan lokasi sekolah rendah yang dikumpul menggunakan GPS serta data rangkaian jalan. Data bukan ruangan pula terdiri daripada statistik demogafi guru, pelajar dan kemudahan sekolah. Dalam kajian ini data rangkaian jalan, lokasi sekolah dan bilangan sekolah digunakan untuk menilai aksesibiliti sekolah dan analisis ruangan yang digunakan adalah network analysis. Teknik ini digunakan untuk mengkaji jarak sekolah, radius setiap sekolah dengan kawasan perkhidmatan dan jarak laluan untuk sampai ke setiap sekolah. Kajian ini turut menggunakan *Euclidean Distance* untuk mengukur jarak sekolah dengan kawasan bandar. Dapatan kajian menunjukkan corak sekolah yang berselerak dan jarak yang jauh dengan kos yang lebih tinggi. GIS membantu

penstrukturan semula ruang sekolah di kawasan kajian bagi meningkatkan akses pelajar ke sekolah.

Hanewicz (2009) mengenal pasti corak pengekalan pelajar di Universiti Eastern Michigan dan universiti Utah Valley. Kajian ini menggunakan data ruangan iaitu sempadan universiti manakala data bukan ruangan iaitu maklumat pelajar yang telah bergraduasi pada tahun 2008, demografi seperti warna kulit dan jantina. Kajian ini menggunakan autokorelasi ruangan (*Moran's I*) untuk mengenal pasti jarak antara universiti manakala analisis hot spot *Getis Ord Gi** untuk mengenal pasti pengelompokan ruangan yang signifikan secara statistik. Analisis ruuangan ini digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan geografi anatara pelajar yang merosot di luar universiti, kekal berdaftar dan berjaya lulus dalam tempoh enam tahun matrikulasi. Jarak geografi tidak menunjukkan perbezaan antara pelajar yang tercicir dan lulus. Walau bagaimanapun tinggal berhampiran universiti adalah signifikan bagi pelajar yang masih berdaftar. Kedekatan dengan fakulti adalah penting untuk meneruskan pendidikan dan lulus.

Yang et al. (2017) menggunakan teknologi GIS untuk menganalisis taburan ruangan sekolah rendah di luar bandar di daerah pergunungan China. Kajian ini menggunakan data ruangan iaitu sempadan daerah sekolah. Manakala data bukan ruangan ialah nama sekolah, bilangan guru dan pelajar. Kajian ini juga menggunakan model Graviti bagi mengkaji taburan ruangan sekolah. Pengiraan jarak sekolah dilakukan menggunakan proximity. Analisis kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam aspek sumber pendidikan, taburan sekolah dan kebolehcapaian ruang di Zhenyuan. Di

beberapa kawasan kampung terdapat sumber pendidikan tidak mencukupi, jarak kampung ke sekolah terlalu jauh iaitu 12.07 KM.

Sohoni dan Saporito (2009) menjalankan pemetaan segregasi sekolah menggunakan GIS untuk meneroka pengasingan kaum antara sekolah dan kawasan yang sesuai. Data ruangan yang digunakan ialah sempadan sekolah rendah, menengah dan sekolah pendidikan tinggi dan 22 sekolah swasta terbesar. Keputusan menunjukkan bahawa sekolah awam tidak dipisahkan mengikut kaum manakala swasta menunjukkan wujudnya pengasingan kaum di kebanyakan daerah.

Mzuza dan Westhuizen (2019) mengulas tentang aplikasi GIS di peringkat sekolah menengah di Afrika Selatan. Kajian ini mendapati walaupun GIS termasuk dalam kurikulum dalam pendidikan di beberapa negara Afrika, namun masih wujud negara yang ketinggalan. Afrika menghadapi cabaran dalam pengembangan dan penerapan GIS dalam pengajaran dan pembelajaran. Masalah utama yang dikenal pasti dalam kajian ini merangkumi ketiadaan pendidikan GIS di sekoalah menengah, kekurangan guru berpengalaman, kekurangan pengetahuan dan kepakaran teknikal dan keenganan guru untu menukar kaedah pengajaran, kekurangan dana dan sumber yang tidak mencukupi.

Hasil penelitian ke atas kajian-kajian lepas mendapati bahawa kebanyakan teknik analisis seperti *Mean Centre Tools*, teknik *point distance*, *Euclidean Distance*, autokorelasi ruangan, *proximity* dan *buffer* digunakan untuk mengenal pasti jarak sekolah, penentuan kesesuaian perletakan pembinaan sekolah dan aksesibiliti sekolah. Analisis hot spot *Getis Ord Gi** pula digunakan untuk mengenal pasti kepadatan pengelompokan sekolah yang signfikan secara statistikal manakala analisis *Kernel Density Estimation* pula juga digunakan untuk pengukur kepadatan pengelompokan sekolah namun teknik ini tidak

dapat mengenal pasti kawasan yang signifikan. Selain itu, analisis *Nearest Neigbour* pula digunakan untuk mengkaji corak ruangan sekolah, sementara *Weighted overlay* digunakan untuk menilai faktor-faktor menentukan kesesuaian perletakan sekolah. Kebanyakan kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan GIS dalam pendidikan memfokuskan kajian pengukuran jarak sekolah dan menggunakan sempadan daerah, sempadan sekolah, sempadan universiti dan sempadan bandar sebagai unit analisis. Selain itu pengkaji lepas juga kebanyakannya menggunakan GPS bagi mendapatkan rujukan koordinat (x, y) lokasi sekolah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan metodologi dan proses yang dilaksanakan dalam kajian. Elemen yang ditekankan dalam bahagian ini ialah latar belakang kawasan kajian, proses pembinaan pangkalan data serta analisis yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif kajian. Data sekunder yang merupakan data utama dalam kajian ini diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

3.2 Latar Belakang Umum Negeri Sarawak

Sarawak merupakan salah satu negeri di Malaysia yang terletak di Pulau Borneo. Sarawak dibahagikan kepada dua belas (12) bahagian pentadbiran iaitu Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang. Pentadbiran dalam bahagian dipecahkan kepada 40 buah daerah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah. Walau bagaimanapun dari segi pentadbiran dalam bidang pendidikan Sarawak hanya mempunyai 31 buah daerah saja. Dari segi landskap geografi Sarawak mempunyai kawasan pinggir pantai yang luas, kawasan berbukit di pedalaman dan mempunyai banyak lembangan sungai. Sungai utama di Sarawak ialah Sungai Rajang dan Sungai Baram. Landskap yang berbukit dan menyebabkan kebanyakan petempatan di sungai utama terletak di pinggir sungai. Sungai utama juga masih merupakan akses utama di setengah kawasan khususnya di kawasan pedalaman selain daripada jalan balak untuk sampai ke sekolah menengah.


Dari segi jenis kaum, terdapat 27 komuniti etnik yang tinggal di Sarawak yang mempunyai 45 jenis bahasa pertuturan dan dialek (Thiessen, 2012). Kesemua kumpulan etnik ini mempunyai bahasa, kebudayaan, dan cara kehidupan yang tersendiri. Etnik di Sarawak terbahagi mengikut kawasan penempatan seperti persisiran pantai, lembah sungai, daerah pendalaman, dan kawasan tanah tinggi. Antara kaum utama yang terdapat di Sarawak ialah Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu. Orang Ulu ialah satu istilah umum merujuk kepada masyarakat asli lebih kecil kepada masyarakat asli lebih kecil tinggal di pedalaman berbukit Sarawak, termasuk Penan, Punan, Kenyah, Kayan, Kelabit, Bisaya, Lun Bawang, dan kumpulan minoritI lain (Tan, 1991 cited in Zeppel, 1994). Dalam kajian ini, kategori kaum adalah berdasarkan maklumat pangkalan data murid yang terdiri daripada kaum Melayu, Bumiputera (selain Melayu) dan Cina.

3.2.1 Kawasan Kajian

Negeri Sarawak terletak di wilayah barat Pulau Borneo mempunyai keluasan 124,449.51 kilometer persegi merupakan negeri yang paling besar di Malaysia. Negeri Sarawak terbahagi kepada 12 pentadbiran bahagian iaitu Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang yang diketuai oleh residen. Setiap bahagian dibahagikan kepada beberapa daerah pentadbiran dan daerah kecil. Terdapat 45 buah daerah yang diketuai oleh pegawai daerah dan 22 buah daerah kecil diketuai pegawai tadbir Sarawak.

Namun demikian, dari segi sempadan pentadbiran daerah pendidikan terdapat 31 buah Pejabat Pendidikan Daerah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3,1 dan diketuai oleh pegawai pendidikan daerah. Di peringkat negeri Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang terletak di daerah Kuching menyelaras 31 buah Pejabat Pendidikan Daerah

yang mempunyai 190 buah sekolah menengah yang bertaburan di seluruh negeri Sarawak yang terdiri daripada sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah agama dan sekolah menengah bantuan kerajaan yang terletak di bandar, luar bandar dan pedalaman.



Rajah 3.1: Lokasi Sekolah Menengah dan Pejabat Pendidikan Daerah di Sarawak.

Bagi mengenalpasti grid yang mempunyai sekolah Jadual 3.1 menunjukkan nombor rujukan ID grid, daerah pentadbiran pendidikan dan kod sekolah menengah. Terdapat 108 buah grid yang mempunyai sekolah menengah dan bilangan sekolah menengah dalam setiap grid adalah berbeza mengikut lokasi sekolah tersebut iaitu bandar, luar bandar dan pedalaman. Grid dihasilkan menggunakan kaedah *create fishnet* poligon dalam Arcmap 10.3 untuk mewujudkan sempadan setiap sekolah menengah. Setiap sekolah mempunyai kod yang tersendiri berdasarkan maklumat awal semasa pendaftaran sekolah yang terdiri daripada kod negeri, peringkat sekolah, bahasa pengantar atau aliran

dan turutan nombor. Turutan nombor sekolah adalah mengikut bahagian pentadbiran di sarawak semasa pendaftaran sekolah.

Jadual 3.1: Nombor Rujukan ID (Grid) Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah dan Kod Sekolah

ID(Grid)	PPD	Kod Sekolah
7	Serian	YEA8202
25	Serian	YEB8202
28	Serian	YEB8204
35	Sri Aman	YEE2102
40	Lubok Antu	YEB32301
47	Serian	YEA8201
48	Serian	YEB8203, YEB8205
49	Simunjan	YEA8302
58	Sri Aman	YEA2102
60	Lubok Antu	YEE2301
72	Padawan	YEA1306, YEB1301
84	Sri Aman	YEE2101, YFB2101
102	Padawan	YEE1303
103	Padawan	YEE1302
107	Simunjan	YEA8301, YEE8304
116	Betong	YEE2402
138	Bau	YEB1102, YEE1101
139	Bau	YEA1101
140	Samarahan	YEA1302, YEB8101
141	Samarahan	YEE8101
142	Samarahan	YEA8102
153	Betong	YEA2402
154	Betong	YEA2403, YFB2401
189	Kuching/ Padawan	YEA1301,YEA1303, YEB1201, YFB1202,YFB1203, YFB1204,YEA1307, YEA1308, YEA1304, YEA1203, YEA1206
190	Kuching	YEE1205, YEE1301, YEA1201, YEA1202,YEA1204, YEB1202, YEE1201, YEE1204, YFB1201, YFB1205
191	Samarahan	YEA8103
192	Samarahan	YEA8101
193	Samarahan	YEA8303
194	Samarahan	YEA8401, YFA8101
196	Simunjan	YEA8304
201	Betong	YEE2401
240	Lundu	YEA1402

sambungan **Jadual 3.1**

ID/Grid	PPD	Kod Sekolah
244	Padawan	YRA1302, YEA1310
245	Kuching/Padawan	YEA1209,YRA1303,YEA1309,YEA1211,YEA120, YRA1301
246	Kuching	YEA1207, YEB1303
247	Kuching	YEA1205
254	Betong	YEA2404
255	Betong	YEA2401
296	Lundu	YEE1401
301	Kuching	YEA1305
302	Kuching	YEA1210
308	Saratok	YEA2201
348	Lundu	YEA1401
354	Saratok	YEA2202
356	Saratok	YEE2201
357	Saratok	YRA2201
400	Saratok	YEE2202
404	Julau	YEA6201
414	Song	YEA7301
424	Kapit	YEA7101
446	Sarikei	YEE6101
458	Song	YEE7301
462	Kapit	YEA7103, YEE7101
463	Kapit	YEE7102
490	Sarikei	YEB6101, YFB6101
491	Meradong	YEE6301
494	Julau	YEA6202, YEB6201
495	Sibu	YEE3201
497	Kanowit	YEA3302, YEB3301
498	Kanowit	YEA3303
528	Daro	YEA6101
531	Sarikei	YEA6102
532	Sarikei	YFB6102
533	Meradong	YEA6301, YFB6301
534	Meradong	YFB6302
574	Sibu	YEA3201
575	Sibu	YFB3201
576	Sibu	YEA3101, YEA3104, YEA3107, YFB3101, YFB3102 YFB3102,YFB3103,YFB3106,YFB3203
577	Sibu	YEA3103
619	Sibu	YEA3105, YEA3106, YEE3101, YEA3102,YEE3102, YFB3104,YFB3105,YRA3101
620	Sibu	YEE3202
622	Sibu	YEB3201

sambungan **Jadual 3.1**

ID/Grid	PPD	Kod Sekolah
658	Daro	YEAB301
703	Daro	YEE6402
753	Dalat	YEA3202
795	Daro	YEE6401
799	Dalat	YEE3501
820	Belaga	YEE7201
841	Dalat	YRA3201
883	Dalat	YEA3501
885	Mukah	YEA3402, YEE3401, YFB3401
893	Tatau	YEA9201
971	Belaga	YEA7102
992	Bintulu	YEA9101, YEA902, YEA9105, YEE9103
994	Sebauh	YEB9102
1022	Bintulu	YEA9103, YEA9104
1069	Baram	YEA4301
1169	Baram	YEA4306
1197	Baram	YEB4302
1208	Baram	YEB4303
1213	Subis	YEA4401, YEB4401
1240	Subis	YEE4301
1245	Baram	YEA4304
1260	Subis	YEA4402
1262	Subis	YEE4401
1288	Baram	YEA4305, YEB4301
1321	Miri	YEA4102, YEA4103, YEA4104, YEA4105, YEA4106, YEB4101,YEA4108,YFB4101,YFB4103,YRA4101
1337	Miri	YEE4101, YEA4101, YFB4102
1338	Miri	YEA4107
1352	Miri	YEA4109
1357	Limbang	YEB5101
1380	Limbang	YEA5102, YRA5101
1389	Limbang	YEA5101, YEE5101
1391	Lawas	YEB5202
1398	Lawas	YEA5201
1401	Lawas	YEE5201
1409	Lawas	YEA5202

(Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2018)

Jadual 3.2 memperincikan PPD dengan bilangan sekolah menengah yang mempunyai kelas menengah atas atau sehingga Tingkatan 5 beserta dengan

keluasan sempadan setiap PPD. Berdasarkan Jadual 3.2, daerah yang mempunyai bandar utama dan kerajaan tempatan di bawah dewan bandaraya atau majlis perbandaran mempunyai bilangan sekolah menengah yang banyak. PPD Kuching mempunyai bilangan sekolah menengah yang paling banyak iaitu 26 buah, PPD Sibu 23 buah, PPD Miri 16 buah dan PPD Padawan 15 buah.

Jadual 3.2: Pejabat Pendidikan Daerah, Bilangan Sekolah Menengah dan Keluasan Sempadan Daerah Pendidikan

PPD	Bil.Sekolah Menengah (menengah atas)	Keluasan Sempadan PPD (km^2) persegi
Baram	5	22, 070
Bau	3	884.4
Belaga	2	19,403.2
Betong	8	2,493.9
Bintulu	7	1,990.40
Dalat	4	905.3
Daro	4	3,556.3
Julau	3	2,628.4
Kanowit	3	2,253.5
Kapit	4	15,595.6
Kuching	26	431.01
Lawas	4	3,811.9
Limbang	5	3,978.1
Lubok Antu	2	3,142.5
Lundu	2	1,812.3
Meradong	4	719.0
Miri	16	3,864.6
Mukah	3	2,536.0
Padawan	15	984.34
Samarahan	9	709.9
Saratok	6	1,686.9
Sarikei	5	985.0
Selangau	1	3,795.0
Serian	6	2,039.9
Sibu	23	2,229.8
Simunjan	4	2,217.6
Song	2	3,935.2
Sri Aman	4	2,323.7
Subis	5	842.47
Sebauh	1	5,262.9
Tatau	1	4,945.8

(Sumber:Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2018)

3.3 Proses Pembinaan Pangkalan Data

Dalam kajian ini terdapat dua jenis data yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Data sekunder diperolehi setelah mendapat kelulusan dari Bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Data-data yang diperlukan diperolehi daripada Laporan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Dalam kajian ini, data bukan ruangan dan data ruangan adalah seperti dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Data Bukan Ruangan dan Data Ruangan Kajian

Sumber	Jenis data	Data
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak	Data Bukan Ruangan	▪ Keciciran murid ▪ Jantina murid ▪ Faktor keciciran ▪ Tahun keciciran
	Data ruangan	▪ Sempadan negeri Sarawak ▪ Data sempadan daerah pendidikan ▪ Lokasi sekolah

Proses pembinaan pangkalan data ruangan dilaksanakan dengan menggunakan Arc Map 10.3. Pembinaan pangkalan data ruangan adalah perlu bagi membolehkan perkongsian maklumat dapat dilakukan (Wan Ibrahim, 2008). Dalam kajian ini, titik rujukan (latitud dan longitude) bagi keciciran murid adalah berdasarkan koordinat sekolah kerana alamat murid yang tercicir tidak terdapat dalam data yang diberikan. Seterusnya, langkah *projection* dilaksanakan untuk menyelaraskan sistem koordinat sekolah bagi keciciran murid dengan sempadan daerah pentadbiran pendidikan bagi membolehkan kedudukan rujukan sekolah dengan keciciran murid tepad dalam sempadan daerah pendidikan. Data ruangan dan bukan ruagan dalam kajian ini

diintergrasikan dengan menukarkan koordinat dari WGS1984 kepada Timbalai 1948 TBRSO Borneo (meters). Proses ini dilakukan dengan menggunakan *data management tool* dalam *arc toolbox*.

Seterusnya, *create fishnet* polygon dalam bentuk grid dilakukan bagi membolehkan keciciran murid secara kumulatif mengikut sekolah dapat diasingkan kepada keciciran individu. Taburan keciciran murid berdasarkan jumlah keseluruhan semua sekolah dalam sebuah grid dibuat secara *spatial random distribution*. *Spatial random distribution* digunakan kerana data yang terdapat di JPNS adalah laporan cicir bulanan yang tidak mempunyai alamat serta rujukan koordinat murid tetapi nama sekolah dan bilangan murid yang tercicir sahaja. Tujuan proses *spatial random distribution* supaya keciciran murid mempunyai titik rujukan (latitud dan longitud) bagi setiap murid yang terlibat berdasarkan jarak lingkungan 10 km dari sekolah. Saiz grid 10km persegi digunakan kerana murid berisiko cicir dari persekolahan apabila melebihi jarak tersebut dari lokasi kediaman murid.

Seterusnya, kaedah *spatial join* digunakan untuk mengabungkan titik keciciran murid dengan sempadan grid sebelum menjalankan analisis ruangan. Kaedah *spatial joint* untuk mengira insiden dalam sempadan setiap kejiranan (Zhang et al.). Dalam kajian ini, *spatial join* berfungsi untuk menggabungkan *join feature* (keciciran murid) ke dalam target feature (grid). Kaedah ini perlu dilakukan bagi mengetahui taburan keciciran murid mengikut sempadan grid sekolah kerana data murid yang tercicir yang diperolehi tidak dinyatakan mengikut alamat murid.

3.4 Analisis Ruangan

Bahagian ini menjelaskan analisis ruangan yang digunakan. Kaedah yang digunakan ialah autokolerasi ruangan Global Moran's I, Getis Ord Gi* dan Regreasi Ordinary Lease-Square.

3.4.1 Autokolerasi Ruangan Global Moran's I

Global Morans I digunakan untuk menentukan tahap autokolerasi ruangan keciciran murid sekolah menengah di dalam grid kawasan kajian. Global Moran's I adalah nisbah yang membandingkan perbezaan nilai-nilai ciri kejiranan dengan perbezaan nilai-nilai antara semua ciri- ciri di kawasan kajian. Rumus statistik yang digunakan dalam analisis *Global Moran's I* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Persamaan 2 di bawah.

$$I = \frac{n \sum_i \sum_j w_{ij}(x_i - \bar{x})(x_j - \bar{x})}{\sum_i \sum_j w_{ij} \sum_i (x_i - \bar{x})^2}$$

Persamaan (2) (Sumber Mitchell,2009)

Dimana ***I*** mengukur autokolerasi ruangan ***X*** dalam setiap ciri kejiranan ***i*** dan ***j*** dengan ***Wij*** adalah pemberat ruangan di anara ***i*** dan ***j*** di kawasan kajian yang mempunyai sejumlah ciri ***n.*** Dalam keadaan coral taburan secara rawak, nilai Index Global Moran's I akan berhampiran dengan nilai 0 kerana akan terdapat jumlah insiden nilai positif dan negatif yang hampir sama dalam pengangka. Bagi corak taburan secara berkelompok pula berlaku apabila ciri kejiranan mempunyai banyak persamaan, nilai Indeks Global Moran's I akan lebih besar daripada 0 kerana jumlah keseluruhan insiden dalam pengangka akan menjadi positif. Manakala, corak ruangan secara berselerak pula, ciri

kejiranan adalah tidak serupa, nilai indeks Global Moran's I akan kurang daripada 0 kerana jumlah insiden yang negatif dalam pengangka. Dalam penentuan corak pengelompokan nilai Indeks Moran's I, nilai statistik dibandingkan dengan nilai jangkaan dan taburan normal Z-skor mempunyai nilai yang tinggi atau rendah dalam pengelompokan ruangan bedasrkan insiden yang berlaku di sesuatu kawasan grid.

3.4.2 Getis-Ord Gi*

Kaedah analisis *Getis-Ord Gi** digunakan untuk mengenalpasti dan menentukan kawasan *hot spot* keciciran murid sekolah menengah di Sarawak (2013-2018) untuk mencapai objektif 2. Teknik ini dipilih untuk mengenalpasti kawasan *hot spot* dan *cold spot* yang signifikan berdasarkan tiga paras keyakinan iaitu 90%, 95% dan 99%. Istilah *hot spot* telah digunakan secara umum merentasi pelbagai bidang kajian untuk mengambarkan sesuatu penumpuan di sesuatu kawasan dengan nilai yang lebih tinggi berbanding kawasan persekitarannya (Isobe, et al. 2015; Hashim, Sadek, & Wan Mohd, 2018) Seman & Tarmiji, 2019;Norita et al.) Untuk setiap ciri grid di kawasan kajian, statistik *Gi*(d)* membandingkan nilai ciri kejiranan dalam jarak (d) tertentu dan menunjukkan sejauh mana setiap ciri dikelilingi oleh nilai yang sama tinggi atau rendah. Statistik dikira dengan menjumlahkan nilai setiap jiran dalam jarak tertentu (dimana setiap Wij=1) dan membahagikan dengan jumlah keseluruhan nilai jiran dalam kawasan kajian. Rumus statistik yang digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Persamaan (3) di bawah.) di bawah.

$$G_i^*(d) = \frac{\sum_j w_{ij}(d) x_j}{\sum_j x_j}$$

Persamaan (3)

Di mana *Gi*(d)* mengukur keamatan pengelompokan *x* pada setiap ciri *I* pada

jarak tertentu dan tidak lebih daripada *d* unit daripada ciri *j* dengan pemberat ruangan *w di* Kawasan kajian. Sekumpulan ciri dengan nilai *Gi*(d)* yang tinggi menunjukkan Kawasan *hot spo*t atau pengelompokan ciri-ciri kejiranan dengan nilai yang tinggi. Manakala, bagi sekumpulan ciri kejiranan dengan nilai nilai *Gi*(d)* yang rendah pula menunjukkan Kawasan cold spot atau pengelompokan ciri-ciri kejiranan dengan nilai yang rendah. Dalam penentuan corak pengelompokan nilai *Gi*(d)*, nilai statistik dibandingkan dengan nilai jangkaan dan taburan normal Z-skor mempunyai nilai yang tinggi atau rendah dalam pengelompokan ruangan bedasarkan insiden yang berlaku di sesuatu kawasan grid.

Pengelompokan keciciran murid mengikut tahun, gender, kaum, faktor serta tahap pendidikan dan berdasarkan kaum akan digambarkan dengan memetakan nilai Gi*(d) Z-skor ciri- ciri kumpulan grid. Kawasan keciciran murid yang diklasifikasikan/dikenalpasti sebagai *hot spot* mempunyai nilai *z-skor* lebih besar daripada 2.58. Ini menunjukkan bahawa corak pengelompokan mempunyai kurang daripada 1 peratus kemungkinan ($p < .01$)/ p-value adalah terlalu besar untuk menjadi rawak.

3.4.3 Regreasi Ordinary-Least Square

Analisis regreasi linear yang dinyatakan sebagai bivariate digunakan untuk mengukur perkaitan antara satu pembolehubah bebas (x) dengan satu pembolehubah bersandar (y). Dalam kajian ini pembolehubah bebas adalah keciciran murid sekolah menengah (2013-2018) manakala pembolehubah bersandar faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid.

Ordinary Least Square (OLS) merupakan salah satu analisis regresi linear yang

paling popular digunakan (Hacıgüzeller, 2020). Teknik Regreasi Odinary Least Square adalah teknik statistikal ruangan untuk mengukur hubungan antara pembolehubah dalam konteks ruangan. Dalam kajian ini OLS digunakan untuk mengukur hubungan ruangan antara keciciran murid sekolah menengah di Sarawak dan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid. Kaedah regresi OLS adalah untuk menganggarkan kebergantungan ruangan, menghindarkan masalah statistik yang tidak stabil serta mengelakan ujian signifikan yang tidak dapat dipercayai. Analisis OLS juga dapat memberikan maklumat berkaitan hubungan ruangan antara pembolehubah atau parameter yang terlibat dalam model (Mahara et al., 2018).

Selain itu, OLS juga adalah analisis regresi multivariat yang digunakan untuk meneroka hubungan global antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar (Wang et al., 2019). OLS juga digunakan untuk menghasilkan ramalan model atau memodelkan hubungan ruangan antara pembolehubah pada peringkat global serta berperanan dalam mencari model yang tepat dan betul setelah melalui ujian- ujian statistikal dalam OLS (Riley, 2017). Ujian-ujian statistikal adalah indikator pengukuran hubungan ruangan antara keciciran murid sekolah menengah dengan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran. Dalam kajian ini, ujian statistikal yang digunakan terdiri daripada koeffisyen, kebarangkalian dan nilai *Jarque-Bera* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Tafsiran Analisis Ordinary Lease Square

Ujian Statistikal	Perkara
Koefisyen	Mengukur kekuatan dan jenis korelasi antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Nilai kofisyen yang positif menunjukkan hubungan yang positif manakala nilai kofisyen yang negatif menunjukkan hubungan negatif. Kebarangkalian mengukur kesignifikan kofisyen ($p<0.05$)
Kebarangkalian	Mengukur kesignifikan kofisyen ($p<0.05$)

Sambungan **Jadual 3.4**

Nilai *Jarque- Bera*	Menentukan sama ada nilai regresi bias atau tidak. Statistik *Jarque-Bera* yang tidak signifikan apabila nilai p lebih besar daripada p>0.10 yang menunjukkan taburan normal dan tidak bias, sebaliknya jika nilai p<0.05 model residual adalah bias dan tidak bertaburan normal, maka analisis autokorelasi perlu dijalankan bagi memastikan corak adalah rawak dan tiada autokorelasi ruangan.
Model Assess	-Autokorelasi ruangan residual (*Moran's I*) mestilah random (nilai p dalam lingkungan -1.65 hingga 1.65).

(Sumber: ESRI,2020)

Dalam kajian ini, nilai Adjusted R square tidak digunakan kerana jumlah pembolehubah bebas hanya satu iaitu keciciran murid sekolah menengah. Menurut Muriyatmoko (2018) nilai Adjusted R square perlu digunakan sekiranya pembolehubah bebas lebih dari dua. Ini kerana Adjusted R square hanya digunakan untuk membanding nilai-nilai pembolehubah bebas yang berbeza apabila ditambah dan menentukan pemboleh bebas yang paling sesuai digunakan dalam model khususnya pembolehubah bebas yang memperoleh nilai Adjusted R square paling tinggi akan dianggap sebagai paling sesuai (Grekousis, 2020). Justeru penggunaan Adjusted R square adalah diabaikan dalam kajian ini kerana model dalam kajian ini hanya menggunakan satu pembolehubah bebas.

Justeru, kaedah Ordinary Least Square (OLS) dalam GIS bukan sahaja dapat digunakan dalam menganalisis hubungan ruangan antara jenayah dengan demografi (Wang et al., 2019) pendidikan, umur, pendapatan, ciri-ciri perumahan (Jopp, 2016) pengangguran (Ha, 2019) tumbuhan kanopi (Troy et al., 2012) penyalahgunaan dadah (Claro et al., 2015) dan cuaca (Mamayek, 2013) sebaliknya kaedah OLS juga dapat digunakan dalam mengkaji hubungan ruangan antara jenayah harta benda dengan kebimbangan jenayah.

Bagi menilai hubungan antara dua pembolehubah kuantitatif, teknik yang digunakan ialah korelasi dan regresi. Korelasi berfungsi mengukur kekuatan hubungan antara dua pembolehubah manakala regresi menyatakan hubungan dalam bentuk persamaan. Nilai R^2 adalah penentuan korelasi. Bagi mengukur kekuatan hubungan pekali korelasi atau nila r dihitung iaitu antara -1 dan +1. Nilai pekali korelasi yang menghampiri

+1 menunjukkan hubungan linear positif yang kuat manakala nilai yang mendekati -1 menunjukkan hubungan linear negatif yang kuat. Nilai yang menghampiri 0 menunjukkan tiada hubungan linear yang wujud. (Robert, 2016).

Hacıgüzeller (2020) menjelaskan bahawa nilai R^2 yang memperoleh nilai sifar bukan bermakna tidak ada hubungan antara pembolehubah sebaliknya nilai sifar tersebut membawa maksud bahawa tidak wujud hubungan linear. Nilai sifar juga menunjukkan bahawa ada kemungkinan wujudnya hubungan tidak linear yang kuat antara dua pembolehubah dan mempunyai nilai sifar sebagai pekali korelasi. Jadual 3.5 menunjukkan nilai skala bagi tingkat kekuatan korelasi.

Jadual 3.5: Tingkat kekuatan Korelasi

Korelasi positif	**Korelasi negatif**	**Tahap kekuatan korelasi**
0.00-0.199	-0.00-0.199	Ada korelasi antara pembolehubah x dan y, tetapi sangat lemah
0.20-0.399	-0.20-0.399	Ada korelasi yang lemah antara pembolehubah x dan y
0.40-0.599	-0.40-0.599	Ada korelasi yang sederhana antara pembolehubah x dan y
0.60-0.899	-0.60-0.899	Ada korelasi yang kuat antara pembolehubah x dan y
0.90-1.000	-0.90-1.000	Ada korelasi yang sangat kuat antara pembolehubah x dan y

(Sumber: Muriyatmoko, 2018)

3.5 Kesimpulan

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini menjelaskan bahawa kajian keciciran murid di Sarawak dapat dilaksanakan walaupun melibatkan kawasan sempadan yang luas. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh melalui pelbagai prosedur kerana data adalah sulit. Data keciciran murid diperolehi daripada Sektor pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.. Kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan GIS bagi mengkaji analisis ruangan keciciran murid dengan faktor-faktor keciciran murid sekolah menengah di Sarawak. Terdapat tiga kaedah analisis ruangan yang digunakan iaitu analisis autokolerasi ruangan *Global Moran's I, Getis-Ord Gi* dan Ordinary Least Square.*

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bahagian bab empat adalah memperincikan hasil dapatan kajian keciciran murid sekolah menengah di Sarawak pada tahun 2013 hingga tahun 2018. Antara yang terkandung dalam bab ini adalah terdiri daripada tren keciciran murid sekolah menengah mengikut tahun, jantina, kaum, faktor keciciran dan tahap pendidikan di Sarawak (2013-2018). Data kes keciciran murid sekolah menengah diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Data ini kemudian disusun mengikut tahun, jantina, kaum, faktor dan tahap pendidikan ke dalam *Microsoft excel 97-2003 worksheet* bagi membolehkan data-data ini dimasukkan ke dalam ArcMap 10.3. Bagi menjalankan analisis ruangan, kajian ini menggunakan analisis Global Moran's I untuk mengenal pasti corak ruangan keciciran murid sekolah menengah 2015-2017. Selain itu, dapatan kawasan *hot spot* keciciran murid menggunakan analisis Getis Ord Gi* juga diperincikan dalam bab ini. Hubungan antara keciciran murid dengan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid yang dikaji akan dijelaskan berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis Ordinary Least Square, Moran's I dan analisis R^2.

4.2 Trend Keciciran Murid Sekolah Menengah (2013-2018)

Berdasarkan pengumpulan data yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, keciciran murid sekolah menengah akan dihuraikan berdasarkan tahun, tren dan dipaparkan melalui model ruangan.

4.2.1 Keciciran Murid Sekolah Menengah Mengikut Tahun

Bahagian awal dalam bab ini adalah mengetengahkan trend keciciran murid sekolah bagi tahun 2013-2018 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Secara keseluruhannya sebanyak 12, 873 kes dilaporkan dalam tempoh 2013-2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,002 kes atau 23.3% dilaporkan berlaku pada tahun 2013. Walau bagaimanapun pada tahun 2014 hingga 2015 jumlah kes dilaporkan berkurang sebanyak 1272 kes atau 42.3%. Pada tahun 2016 jumlah kes keciciran dilaporkan bertambah sebanyak 495 kes atau 22.2%. Pada tahun 2017 jumlah kes menurun sebanyak 390 kes atau 17.5%. Pada tahun 2018 jumlah kes bertambah semula sebanyak 117 kes atau 5.9%.

Perbandingan mengikut daerah menunjukkan bahawa pada tahun 2013 kes tertinggi keciciran murid sekolah menengah adalah dikesan di kawasan luar bandar iaitu di daerah Kapit dengan jumlah kes sebanyak 427 kes (24.2%) manakala jumlah keciciran paling rendah adalah dilaporkan di sekolah menengah daerah Sebauh iaitu satu kes sahaja. Pada tahun 2014 kes keciciran paling tinggi dikesan di sekolah menengah di kawasan bandar iaitu melibatkan daerah Kuching dengan sejumlah 424 kes (19.9%) manakala sebanyak sembilan buah sekolah di Sarawak tidak merekodkan keciciran, antaranya ialah (1) daerah Belaga, (2) Kanowit, (3) Limbang, (4) Lubok Antu, (5) Saratok, (6) Selangau (7) Song, (8) Sri Aman, (9) Subis.

Jadual 4.1: Jumlah Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah dari Tahun 2013 hingga 2018

Daerah	Tahun					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Baram	23	29	50	44	1	4
Bau	35	40	9	66	74	12
Belaga	82	0	258	31	87	30
Betong	10	5	0	140	50	145
Bintulu	351	297	281	214	201	258
Dalat	28	31	41	18	47	75
Daro	31	73	124	25	11	0
Julau	147	104	0	140	75	25
Kanowit	9	0	0	36	7	8
Kapit	427	328	82	129	19	34
Kuching	394	424	197	140	422	362
Lawas	26	32	45	46	67	72
Limbang	77	0	0	47	24	43
Lubok Antu	78	0	0	0	14	0
Lundu	5	21	25	39	41	69
Meradong	126	31	61	119	36	34
Miri	170	60	2	46	11	3
Mukah	65	67	38	41	55	111
Padawan	144	107	50	64	91	167
Samarahan	137	140	10	98	11	115
Saratok	70	0	0	116	64	22
Sarikei	25	24	0	58	26	60
Selangau	0	0	27	23	17	0
Sebauh	1	44	25	0	36	12
Serian	47	10	6	54	23	0
Sibu	263	147	130	237	61	154
Simunjan	22	12	0	68	101	84
Song	5	0	0	13	0	0
Sri Aman	69	0	25	30	31	4
Subis	14	0	106	42	22	16
Tatau	121	103	138	101	110	33
Jumlah	3002	2129	1730	2225	1835	1952


(Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2018)

Seterusnya pada tahun 2015 menunjukkan kawasan luar bandar mencatat jumlah kes paling banyak iaitu sejumlah 258 kes keciciran atau 14.9% dan Sembilan buah daerah pula mencatatkan sifar kes iaitu di daerah (1) Betong, (2) Julau, (3) Kanowit, (4) Limbang, (5) Lubok Antu, (6) Saratok, (7) Sarikei, (8) Simunjan dan (9) Song. Pada tahun 2016 keciciran murid sekolah menengah paling tinggi dilaporkan di kawasan bandar iaitu daerah Sibu dengan jumlah sebanyak 237 kes atau 10.6% dan hanya dua daerah mencatat sifar kes iaitu sekolah (1) Lubok Antu dan (2) Sebauh.

Pada tahun 2017 keciciran murid sekolah menengah paling tinggi masih kekal berlaku dalam kawasan bandar iaitu melibatkan daerah Kuching sebanyak 422 kes (22.9%) manakala tiada kes dilaporkan berlaku di daerah Song dalam tempoh tersebut. Kawasan bandar masih mencatat kes tertinggi berlaku keciciran murid sekolah menengah pada tahun 2018 iaitu di Kuching dengan 362 kes (18.5%) manakala sebanyak empat daerah merekodkan sifar kes, iaitu (1) Daro, (2) Lubok Antu, (3) Selangau dan (4) Song. Jelas bahawa trend keciciran murid menurun dari tahun 2013 hingga 2015 dan tahun 2017. Walau bagaimanapun berlaku peningkatan keciciran murid bagi tahun 2016 dan 2018.

4.2.2 Keciciran Murid Sekolah Menengah Berdasarkan Jantina

Bahagian seterusnya adalah mengetengahkan tren keciciran murid sekolah mengikut jantina di Sarawak bagi tahun 2013-2018 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1. Secara keseluruhan jumlah keciciran murid sekolah menengah mengikut jantina di Sarawak menunjukkan murid lelaki paling ramai tercicir iaitu sejumlah 7,881 orang atau 61.2% berbanding perempuan iaitu 4,992 orang atau 38.7%.



Rajah 4.1: Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak Mengikut Jantina dari Tahun 2013 hingga 2018

(Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2018)

Penelitian kes keciciran mengikut jantina lelaki mendapati bahawa pada tahun 2013 sejumlah 1754 kes dilaporkan dan pada tahun 2014-2015 keciciran murid lelaki berkurang sebanyak 754 orang (42.9%). Pada tahun 2016 jumlah murid lelaki yang mengalami keciciran telah meningkat sebanyak 458 orang (31.4%) dan menurun semula pada tahun 2017 dengan jumlah 287 orang (19.6%). Tren kemudian menunjukkan jumlah murid lelaki yang tercicir telah bertambah sebanyak 84 orang (6.6%).

Bagi keciciran murid sekolah menengah mengikut jantina perempuan pula menunjukkan bahawa pada tahun 2013 jumlah keciciran adalah seramai 1248 orang dan

pada tahun 2014-2015 jumlah murid perempuan menunjukkan pengurangan sebanyak 518 orang (41.5%). Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 jumlah murid perempuan yang tercicir telah mengalami peningkatan sebanyak 37 orang (4.8%). Pada tahun 2017 jumlah kes dilaporkan berkurang sebanyak 103 orang atau 13.4%. Pada tahun 2018 murid perempuan sekolah menengah yang dilapoorkan tercicir di Sarawak telah meningkat dengan pertambahan sejumlah 33 orang (4.7%). Berdasarkan Rajah 4.1 trend keciciran murid lelaki menunjukan penurunan dan dari tahun 2013 hingga 2015 dan 2017 tetapi meningkat pada tahun 2016 dan 2018. Bagi keciciran murid perempuan pula berlaku penurunan keciciran dari tahun 2013 hingga 2018.

4.2.3 Keciciran Murid Sekolah Menengah Berdasarkan Kaum


Keciciran murid sekolah di Sarawak di perincikan dengan lebih lanjut dengan meneliti keciciran murid sekolah menengah mengikut Kaum seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2. Secara keseluruhan, kaum yang paling tinggi berlaku keciciran murid sekolah menengah adalah terdiri daripada kaum bumiputera iaitu sejumlah 7,270 orang (56.4%) dalam tempoh 2015-2018. Ini menunjukkan kaum bumiputera cenderung mengalami keciciran sekolah di Sarawak. Kedua tertinggi adalah terdiri daripada kaum Melayu dengan jumlah 3,386 orang (26.2%) manakala ketiga tertinggi kaum Cina dengan jumlah 1,826 orang (14.1%) diikuti kaum Penan sejumlah 243 orang (1.8%) dan paling sedikit adalah kaum lain-lain iaitu 150 orang (1.1%) dalam tempoh 2013-2018.

Penelitian tren keciciran murid mengikut kaum Bumiputera mendapati bahawa pada tahun 2013 hingga 2015 kes keciciran murid menunjukkan penurunan sebanyak 745 orang (40.5%). Pada tahun 2016 jumlah kes bertambah sebanyak 205 orang (15.8%). Pada tahun 2017 jumlah kes berkurang sebanyak 355 orang (27.3%). Namun demikian pada tahun 2018 jumlah kaum bumiputera yang tercicir telah berkurang sebanyak 45 orang (4.7%).

Keciciran murid sekolah menengah dalam kalangan kaum Melayu menunjukkan jumlah keciciran berkurang dalam tempoh 2013-2015 iaitu seramai 436 orang (58.4%). Pada tahun 2016-2018 jumlah murid sekolah kaum Melayu yang tercicir telah mengalami pertambahan sebanyak 194 orang atau 27.2%. Ini menunjukkan jumlah kaum Melayu yang mengalami keciciran telah bertambah dalam tempoh tiga tahun terakhir secara berturut-turut. Bagi kaum Cina pula, tren menunjukkan bilangan murid sekolah menunjukkkan pengurangan dalam tempoh tiga tahun pertama (2013-2015) iaitu sebanyak 207 orang atau 53.9%. Pada tahun 2016 jumlah kes telah bertambah sejumlah 166 kes atau 48.3%. Pada tahun 2017 jumlah keciciran telah mengalami penurunan sebanyak 83 orang atau 24.1%. Kes keciciran didapati bertambah semula pada tahun 2018 dengan jumlah perambahan seramai 51 orang (16.3%).

189	Kuching/ Padawan	YEA1303,YEB1201,YFB1202, YFB1303,YFB1204,YEA1203, YEA1295,YEA1304,YEA1307	10.305743	0	3
190	Kuching	YEB1202,YEE1201,YEE1204, YEE1205,YEE1301,YFB1201	17.100315	0	3
196	Simunjan	YEA8304	7.42783	0	3
245	Kuching/ Padawan	YEA1209,YRA1303,YEA1309, YEA1211,YEA1208,YRA1301	10.305064	0	3
246	Kuching	YEA1207	4.556003	0.000005	3
247	Kuching	YEA1205	5.598864	0	3
296	Lundu	YEE1401	4.29128	0.000018	3
301	Kuching	YEA1305	5.599215	0	3
308	Saratok	YEA2201	2.98439	0.002841	3
404	Julau	YEA6201	5.075414	0	3
490	Sarikei	YEB6101,YFB6101	3.507198	0.000453	3
494	Julau	YEA6202	3.507146	0.000453	3
533	Meradong	YEA6301,YFB6301	5.85973	0	3
619	Sibu	YEA3102,YEA3105,YEA3106, YEE3101,YEE3102, YFB3104	3.246055	0.00117	3
799	Dalat	YEE3501	2.723012	0.006469	3
883	Dalat	YEA3501	2.723027	0.006469	3
885	Mukah	YEA3402,YEE3401,YFB3401	5.859562	0	3
893	Tatau	YEA9201	8.734705	0	3
971	Belaga	YEA7102	4.814036	0.000001	3
992	Bintulu	YEA9101,YEA9102,YEA9105 YEE9103	14.485673	0	3
994	Sebauh	YEB9102	4.522658	0.000005	3
1022	Bintulu	YEA9103,YEA9104	6.383767	0	3
1389	Limbang	YEA5101,YEE5101	3.76855	0.000164	3
1401	Lawas	YEE5201	4.814036	0.000001	3

sambungan **Jadual 4.73**

Grid	PPD	Kod Sekolah	GiZScore	GiPValue	GiBin
424	Kapit	YEA7101	2.461664	0.013831	2
1398	Lawas	YEA5201	2.461664	0.013829	2
7	Serian	YEA8202	1.6775	0.093445	1
40	Lubok Antu	YEB2301	1.6775	0.093445	1
576	Sibu	YEA3101,YEA4104,YEA3107 YFB3101,YFB3102,YFB3103 YFB3106, YFB3203	1.677918	0.093363	1



Rajah 4.81: Kawasan *Hot Spot* Kecicuran Murid Peringkat Menengah Atas di Sarawak Tahun 2017

Bahagian sebelum ini adalah membincangkan hasil dapatan kawasan *hot spot* kecicuran murid peringkat menengah atas di Sarawak bagi tahun 2017. Bahagian ini pula memperincikan kawasan *hot spot* kecicuran murid peringkat menengah atas di Sarawak bagi tahun 2018 seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.74. Hasil analisis Getis Ord Gi* menunjukkan bahawa nilai z skor tertinggi adalah di sekolah (1) YEA9101, (2) YEA902,

(3) YEA9105 dan (4) YEE9103 dengan catatat 20.371062 (nilai p<0.01). Paras keyakinan *hot spot* adalah 99%. Nilai z skor ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah dalam pentadbiran PPD Bintulu adalah paling berisiko berlaku keciciran murid peringkat menengah atas dan keputusan ini juga sekaligus menunjukkan pengelompokan tinggi keciciran kekal berlaku dalam kawasan bandar.


Jadual 4.74: Kawasan *Hot Spot* Keciciran Murid peringkat Menengah Atas di Sarawak Tahun 2018

Grid	PPD	Kod Sekolah	GiZScore	GiPValue	GiBin
102	Padawan	YEE1303	3.240791	0.001192	3
103	Padawan	YEE1302	4.298421	0.000017	3
141	Samarahan	YEE8101	5.780465	0.000000	3
142	Samarahan	YEA8102	5.566820	0.000000	3
153	Betong	YEA2402	3.451602	0.000557	3
196	Simunjan	YEA8304	3.662850	0.000249	3
201	Betong	YEE2401	3.028372	0.002459	3
247	Kuching	YEA1205	3.028774	0.002455	3
296	Lundu	YEE1401	4.720339	0.000002	3
301	Kuching	YEA1305	3.875487	0.000106	3
348	Lundu	YEA1401	3.239860	0.001196	3
620	Sibu	YEE3202	2.817751	0.004836	3
799	Dalat	YEE3501	1.970932	0.048732	2
883	Dalat	YEA3501	2.182434	0.029077	2
893	Tatau	YEA9201	3.028372	0.002459	3
1398	Lawas	YEA5201	1.970961	0.048728	2
532	Sarikei	YFB6102	1.760375	0.078344	1
107	Simunjan	YEA8301,YEE8304	5.354740	0.000000	3
140	Samarahan	YEA1302, YEB8101	4.722073	0.000002	3
246	Kuching	YEA1207,YEB1303	3.877052	0.000106	3
490	Sarikei	YEB6101, YFB6101	3.874514	0.000107	3
533	Meradong	YEA6301, YFB6301	4.509063	0.000007	3
1022	Bintulu	YEA9103, YEA9104	6.625719	0.000000	3
1389	Limbang	YEA5101, YEE5101	5.989204	0.000000	3
154	Betong	YEA2403, YFB2401	2.394310	0.016652	2
72	Padawan	YEA1306,YEB1301	1.759888	0.078427	1
885	Mukah	YEA3402, YEE3401,YFB3401	9.584513	0.000000	3

sambungan **Jadual 4.74**

Grid	PPD	Kod Sekolah	GiZScore	GiPValue	GiBin
992	Bintulu	YEA9101,YEA902,YEA9105, YEE9103	20.371062	0.000000	3
245	Kuching/ Padawan	YEA1209, YRA1303,YEA1309, YEA1211,YEA1208,YRA1301	11.489540	0.000000	3
576	Sibu	YEA3101, YEA3104,YEA3107, YFB3101,YFB3102,YFB3103, YFB3106,YFB3203	5.990071	0.000000	3
619	Sibu	YEA3105, YEA3106,YEE3101, YEA3102,YEE3102,YFB3104, YFB3105,YRA3101	7.682017	0.000000	3
190	Kuching	YEE1205,YEE1301,YEA1201, YEA1202,YEA1204,YEB1202, YEE1201,YEE1204,YFB1201, YFB1205	12.335682	0.000000	3
189	Kuching/ Padawan	YEA1301,YEA1303, YEB1201, YFB1202,YFB1203,YFB1204, YEA1307,YEA1308,YEA1304, YEA1203,YEA1206	8.318468	0.000000	3

Berdasarkan Jadual 4.74 terdapat dua buah sekolah yang diklasifikasikan sebagai kawasan *hot spot* dengan paras keyakinan 90%. Walau bagaimanapun, sekolah YEA1306 dan sekolah YEB1301 adalah dikenalpasti sebagai sekolah yang dikategorikan sebagai kawasan yang mempunyai nilai z skor paling kecil bagi tahun 2018 iaitu 1.759888 dengan nilai $p<0.10$. Justeru, dua buah sekolah ini adalah diklasifikasikan sebagai sekolah yang mempunyai risiko keciciran yang paling rendah berbanding sekolah-sekolah lain di Sarawak. Rajah 4.82 menunjukkan kawasan hot spot keciciran murid peringkat menengah atas di Sarawak pada tahun 2018.



Rajah 4.82: Kawasan *Hot Spot* Keciciran Murid Peringkat Menengah Atas di Sarawak Tahun 2018

4.5 Regresi Ordinary Least-Square Keciciran Murid

Hubungan antara keciciran murid sekolah menengah dengan faktor yang menyebabkan keciciran dikenalpasti dengan menggunakan kaedah regreasi Ordinary Lease Square (OLS). Kaedah regreasi OLS digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah bersandar (x) dan pembolehubah bergantung (y).

4.5.1 Regreasi Faktor Tidak Minat

Jadual 4.75 menunjukkan keputusan regresi keciciran murid dengan faktor tidak berminat bagi tempoh 2013-2018. Dalam kajian ini pembolehubah y adalah keciciran murid manakala pembolehubah x adalah faktor tidak minat. Keputusan OLS bagi tahun 2013 menunjukkan nilai (koeffisyen =1.4857077, nilai p<0.01) yang menunjukkan bahawa wujud


hubungan linear yang positif antara keciciran murid dengan faktor tidak berminat pada tahun 2013. Nilai Adjusted R2 adalah 0.60 yang menunjukkan sebanyak 60% daripada faktor tidak berminat mempengaruhi keciciran murid pada tahun 2013.

Jadual 4.75: Regresi OLS Keciciran Murid dan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2013 hingga 2018

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Koeffisyen (Coefficient)	1.485077	1.267222	0.279343	1.314944	1.268970	1.115177
Kebarangkalian (probality	0.000000*	0.000011*	0.049484*	0.000000*	0.000000*	0.000000*
Adjusted R-squared (R2)	0.602346	0.365446	0.075990	0.723560	0.510867	0.699001
R-squared (R2)	0.33	0.26	0.14	0.36	0.31	0.49
Jarque-bera	0.000000*	0.000000*	0.000000*	0.000000*	0.000000*	0.000000*
Moran's Index	-0.202659	0.001175	0.150890	0.102690	0.065761	0.032413
Z-score	-1.648023	0.481220	2.348368	2.594491	1.372546	0.200467
P-value	0.099348	0.630360	0.018856	0.009473	0.169893	0.841116


(*) Nilai yang signifikan

Rajah 4.83 menunjukkan regresi keciciran murid sekolah dengan faktor tidak berminat bagi tahun 2013. Persamaan regresi ialah y = 1.0275x + 10.035. Korelasi antara kedua-dua pembolehubah adalah lemah iaitu dengan nilai R2 = 0.33.




Rajah 4.83: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2013

Nilai Jarque-bera yang diperoleh adalah signifikan p<0.01 yang menunjukkan keputusan adalah bias. Justeru, analisis autokorelasi perlu dijalankan. Hasil nilai Moran's index ialah -0.202659 iaitu negatif yang menunjukkan kecenderungan berlakunya keciciran murid secara rawak di kawasan kajian. Nilai z skor adalah -1.648023 dengan nilai p<0.10. Rajah 4.84 menunjukkan keputusan autokorelasi ruangan.




Rajah 4.84: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2013

Jadual 4.75 menunjukkan regresi OLS keciciran murid dan faktor tidak berminat bagi tahun 2014. Keputusan menunjukkan bahawa nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.267222 dengan nilai p<0.01. Keputusan ini menjelaskan bahawa wujud hubungan linear yang positif dan signifikan. Semakin tinggi jumlah pelajar yang tidak berminat, semakin tinggi jumlah keciciran bagi tahun 2014. Nilai Adjusted R2 adalah 0.26 yang menunjukkan faktor tidak minat mempengaruhi keciciran sebanyak 26%. Rajah 4.85 menunjukkan regresi keciciran murid sekolah dengan faktor tidak minat bagi tahun 2014.




Rajah 4.85: Regresi Kecicirán Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat 2014 di Sarawak Tahun 2014

Keputusan menunjukkan bahawa kecicirán murid sekolah pada tahun 2014 mempunyai hubungan linear yang positif dengan faktor tidak minat 2014. Persamaan adalah y = 1.0867x + 6.8496. Nilai R2 = 0.26 yang menunjukkan korelasi antara kecicirán murid 2014 dengan faktor tidak minat 2014 adalah lemah. Keputusan jarque-bera menunjukkan nilai yang signfikan kerana nilai p<0.01 dan keputusan adalah bias. Hasil analisis autokorelasi ruangan ditunjukkan dalam Rajah 4.86. Nilai moran indeks yang diperoleh adalah 0.001175 dengan nilai z skor 0.481220 manakala nilai p>0.10 iaitu 0.63 seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah rawak dan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.




Rajah 4.86: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2014

Kajian ini turut meneliti regresi OLS keciciran murid dengan faktor tidak minat di Sarawak bagi tahun 2015 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.75. Hasil analisis mendapati bahawa wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid sekolah menengah dengan faktor tidak minat 2015. Keputusan ini disahkan melalui nilai koeffisyen 0.279343 dengan nilai $p<0.05$ yang menunjukkan hubungan linear postif dan signifikan pada paras 95%. Nilai Adjusted R2 adalah 0.07. Faktor tidak minat mempengaruhi keciciran murid sekolah bagi tahun 2014 adalah sebanyak 7% sahaja. Nilai R2 yang diperoleh hasil regresi adalah 0.14 yang menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Persamaan regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.87.




Rajah 4.87: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2015

Hasil regresi menunjukkan bahawa wujud hubungan positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor tidak minat tahun 2015. Persamaan linear adalah y = 1.2247x + 5.7082. Jelas bahawa semakin tinggi faktor tidak minat semakin tinggi keciciran murid sekolah menengah di Sarawak bagi tahun 2015. Walau bagaimanapun keputusan Jarque-bera menunjukkan signifikan kerana nilai p kurang daripada 0.01 dan menunjukkan model ini bias dan residual tidak bertaburan normal. Keputusan hasil autokorelasi dalam Rajah 4.88 menunjukkan nilai Moran's Index adalah 0.150890 dengan nilai z skor 2.34 manakala nilai p adalah signifikan iaitu $p<0.05$. Ini menunjukkan model ini adalah berkelompok dengan paras signifikan 95%. Justeru wujud autokorelasi ruangan bagi residual keciciran murid sekolah pada tahun 2015.




Rajah 4.88: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2015

Analisis OLS dalam Jadual 4.75 mendedahkan bahawa keciciran murid sekolah dengan faktor tidak minat 2016 adalah positif. Ini kerana nilai koeffisyen 1.314944 dengan nilai $p<0.01$ yang menunjukkan signifikan pada paras 99%. Nilai Adjusted R2 0.72 yang menjelaskan bahawa sebanyak 72% keciciran murid di Sarawak adalah dipengaruhi faktor tidak minat pada tahun 2016. Nilai R2 yang diperoleh adalah 0.36. Nilai ini menunjukkan wujud korelasi yang lemah.




Rajah 4.89: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2016

Hasil regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.89 menunjukkan keciciran murid dengan faktor tidak minat bagi tahun 2016 didapati mempunyai persamaan linear yang positif iaitu y = 0.9838x + 6.2076. Nilai Jarque-bera hasil daripada analisis OLS adalah signifikan. Ini menunjukkan model ini adalah bias dan autokorelasi ruangan dilakukan bagi mendapatkan pengesahan. Walau bagaimanapun, hasil autokorelasi menunjukkan bahawa wujud autokorelasi ruangan kerana nilai z skor adalah melebihi 2.58 dan signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan corak kelompok manakala nilai Moran's Index adalah 0.102690 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.90.




Rajah 4.90: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2016

Kajian ini mendapati bahawa keciciran murid dengan faktor tidak minat 2017 mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 99% seperti pada Jadual 4.75. Ini dibuktikan melalui nilai koeffisyen iaitu 1.268970 dengan nilai p<0.01. Nilai Adjsuted R2 adalah 0.51 yang menjelaskan bahawa faktor tidak minat mempengaruhi keciciran murid sebanyak 51%. Hasil regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.91



Rajah 4.91: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2017


Persamaan regresi antara keciciran murid dengan faktor tidak minat pada tahun 2017 adalah y = 1.1371x + 5.3297 yang menunjukkan hubungan positif. Nilai R2 adalah 0.31. Nilai ini menunjukkan bahawa kedua-kedua pembolehubah ini mempunyai hubungan linear yang positif tetapi lemah. Nilai Jarque-bera yang diperoleh hasil OLS adalah signifikan (p<0.01). Keputusan autokorelasi ruangan ditunjukkan dalam Rajah 4.92. Nilai Moran's Index adalah 0.065761 manakala nilai z skor adalah 1.372546 dengan nilai p>0.10 yang menunjukkan residual ini berlaku secara rawak dan tiada autokorelasi ruangan.



Rajah 4.92: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2017


Seterusnya kajian turut meneliti regresi keciciran murid dengan faktor tidak minat bagi tahun 2018 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.75. Nilai koeffisyen adalah 1.115177 dan signfikan pada paras 99%. Keputusan ini menjelaskan bahawa wujud hubungan linear positif yang signifikan pada paras 99% antara keciciran murid dengan faktor tidak minat bagi tahun 2018. Kajian ini turut mendapati bahawa faktor tidak minat mempengaruhi keciciran murid

sebanyak 49% kerana nilai Adjusted R2 yang diperoleh adalah 0.49. Regresi linear ditunjukkan dalam Rajah 4.93.



Rajah 4.93: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2018

Hasil persamaan regresi menunjukkan wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid dengan faktor tidak minat bagi tahun 2018 iaitu y = 1.0704x + 4.9935. Nilai R2 yang diperoleh ialah 0.49 yang menunjukkan wujud hubungan linear positif dengan tahap sederhana. Nilai Jarque-bera hasil OLS adalah signifikan. Ini menunjukkan residual bertaburan tidak normal dan bias. Hasil autokorelasi ruangan ditunjukkan dalam Rajah 4.94. Nilai Moran's Index adalah 0.032413 dengan nilai z skor 0.20 manakala nilai p>0.10 yang menunjukkan tidak signifikan. Jelas bahawa model keciciran murid sekolah menengah di Sarawak bagi tahun 2018 adalah rawak. Hipotesis null diterima.




Rajah 4.94: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Minat di Sarawak 2018

4.5.2 Regreasi Faktor Diberhentikan

Jadual 4.76 menunjukkan regresi OLS keciciran murid dan faktor diberhentikan di Sarawak bagi tahun 2013 hingga 2018. Keputusan menunjukkan wujud hubungan linear yang positif dan signifikan antara keciciran murid sekolah menengah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2013. Hubungan antara dua pembolehubah ini dibuktikan melalui nilai koeffisyen iaitu 1.793233 dengan nilai $p<0.01$. Nilai Adjusted R2 adalah 0.36. Ini menunjukkan bahawa keciciran murid dipengaruhi faktor diberhentikan sebanyak 36%. Rajah 4.95 menunjukkan regresi keciciran murid dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2013.


Jadual 4.76: Regreasi OLS keciciran Murid dan Faktor Diberhentikan di Sarawak tahun 2013-2018

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Koeffisyen (Coefficient)	1.793233	1.781682	1.776956	1.609670	0.023258	1.570702
Kebarangkalian (Probality)	0.007838*	0.006913*	0.255487	0.015576*	0.425154	0.235785
Adjusted r-squared (R^2)	0.364617	0.398281	0.045350	0.232476	-0.028884	0.078667
R-squared (R^2)	0.2691	0.0427	0.2138	0.1989	0.2908	0.1456
Jarque-bera	0.002518*	0.170123	0.046102*	0.010255*	0.671070	0.348415
Moran's Index	-0.197653		0.348402	-0.25354		
Z-score	-1.051430		1.452408	0.174419		
P-value	0.293061		0.146388	0.861536		




Rajah 4.95: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2013

Jelas bahawa wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor diberhentikan di Sarawak bagi tahun 2013. Walau bagaimanapun, nilai korelasi adalah lemah antara kedua-dua pembolehubah kerana nilai R2 yang diperoleh adalah 0.26. Hasil regresi OLS menunjukkan bahawa nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$). Justeru, autokorelasi ruangan perlu dijalankan. Hasil autokorelasi ditunjukkan dalam Rajah 4.96. Keputusan mendapati nilai Moran's Index adalah -0.197653 manakala nilai z skor -1.051430 manakala nilai $p>0.10$ yang menunjukkan tiada autokorelasi ruangan.



Rajah 4.96: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2013


Analisis OLS mendedahkan bahawa keciciran murid dengan faktor diberhentikan di Sarawak bagi tahun 2014 mempunyai hubungan linear positif kerana nilai koeffisyen adalah 1.781682 dengan nilai p<0.01. Nilai Adjusted R2 adalah 0.39 yang menjelaskan bahawa faktor diberhentikan mempengaruhi keciciran murid sekolah sebanyak 39%. Rajah 4.97 menunjukkan regresi keciciran murid sekolah dengan faktor diberhentikan tahun 2014.



Rajah 4.97: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2014

Hasil persamaan regresi menunjukkan wujud hubungan linear yang negatif antara keicicran murid dengan faktor diberhentikan pada tahun 2014. Nilai persamaan ialah y = -0.0859x + 19.518. Nilai R2 adalah 0.04 yang menjelaskan korelasi negatif antara dua pembolehubah adalah sangat lemah. Nilai Jarque-bera didapati tidak signifikan kerana nilai p>0.10. Ini menunjukkan residual keciciran murid sekolah bagi tahun 2014 adalah tidak bias dan bertaburan normal. Justeru, autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan.

Berdasarkan keputusan analisis di Jadual 4.76 nilai koeffisyen bagi keciciran murid sekolah menengah dengan faktor diberhentikan pada tahun 2015 adalah 1.776956 dengan nilai p>0.10. Keputusan ini mendedahkan bahawa keciciran murid dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2015 mempunyai hubungan positif linear tetapi tidak signifikan. Nilai Adjusted R2 adalah 0.04 yang menjelaskan faktor diberhentikan mempengaruhi keciciran murid pada tahun 2015 adalah sebanyak 4% sahaja. Regresi persamaan linear ditunjukkan dalam Rajah 4.98.




Rajah 4.98: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2015

Hasil regresi menunjukkan persamaan antara dua pembolehubah bagi tahun 2015 adalah mempunyai hubungan linear yang positif iaitu y = 2.3501x + 7.4007 dengan nilai R2 adalah

0.21 yang menunjukkan korelasi adalah lemah. Nilai Jarque-bera yang diperoleh adalah signifikan kerana nilai p<0.05. Justeru autokorelasi ruangan perlu dijalankan. Nilai Moran's Index adalah 0.348402 manakala nilai z skor 1.452408 dengan nilai p>0.10 yang menunjukkan wujud corak rawak. Jelas bahawa tiada autokorelasi ruangan yang wujud bagi residual ini. Hipotesis null diterima.


Analisis OLS mendedahkan bahawa wujud hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 95% antara keciciran murid dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2016. Nilai koeffisyen adalah 1.609670 dengan nilai p <0.05. Ini menunjukkan semakin tinggi faktor diberhentikan semakin tinggi keciciran berlaku pada tahun 2016. Nilai Adjusted R2 adalah 0.23 yang menjelaskan bahawa keciciran murid dipengaruhi faktor diberhentikan sebanyak 23%. Hasil regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.99.



Rajah 4.99: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak Bagi Tahun 2016


Hasil regresi adalah y = 1.4218x + 10.224 dengan nilai R2 adalah 0.19. Jelas bahawa persamaan ini menunjukkan wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid sekolah menengah bagi tahun 2016 dengan faktor diberhentikan. Walau bagaimanapun kedua-dua pembolehubah ini mempunyai korelasi yang sangat lemah. Nilai Jarque-bera ditunjukkan dalam Jadual 4.76. Nilai tersebut adalah signifikan pada paras 95%. Hasil

autokorelasi ruangan yang dijalankan mendapati nilai Moran's Index adalah -0.25354 manakala nilai z skor adalah 0.174419 dengan nilai p>0.10 yang mendedahkan bahawa residual ini berlaku secara rawak. Justeru tiada autokorelasi ruangan yang wujud seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.100.



Rajah 4.100: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran Murid dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2016


Jadual 4.76 menunjukkan regresi OLS keciciran murid sekolah menengah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2017. Nilai koeffisyen yang diperoleh hasil analisis OLS ialah 0.023258 dengan nilai p>0.10. Dapatan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan linear positif tetapi tidak signifikan antara keciciran murid dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2017. Nilai Adjusted R2 adalah -0.02. Bagi mengetahui arah hubungan linear, kajian ini turut melakukan regresi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.101.



Rajah 4.101: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2017

Persamaan linear antara keciciran murid sekolah menengah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2017 adalah positif. Nilai R2 adalah 0.29. Nilai ini menjelaskan bahawa hubungan linear antara keciciran murid dengan fakor diberhentikan bagi tahun 2017 adalah lemah. Nilai Jarque-bera yang diperoleh dalam kajian ini adalah 0.671070 iaitu nilai p>0.10. Justeru residual ini bertaburan normal dan tidak bias. Autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan.

Seterusnya kajian ini mendedahkan hubungan antara keciciran murid sekolah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2018 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.76. Keputusan mendapati nilai koeffisyen adalah 1.570702 dengan nilai p>0.10. Justeru, wujud hubungan linear positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2018. Semakin tinggi faktor diberhentikan semakin tinggi keciciran murid sekolah menengah berlaku pada tahun 2018. Nilai Adjusted R2 adalah 0.07 yang menunjukkan faktor diberhentikan mempengaruhi keciciran murid sekolah sebanyak 7%. Persamaan regresi turut ditunjukkan dalam Rajah 4.102.



Rajah 4.102: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Diberhentikan di Sarawak 2018

Persamaan yang diperoleh hasil regresi adalah y = 1.3109x + 9.4164. Nilai R2 adalah 0.14. Justeru, wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor diberhentikan bagi tahun 2018. Nilai Jarque-bera adalah tidak signifikan kerana nilai p lebih besar daripada 0.10 iaitu 0.348415 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.76. Justeru autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan kerana nilai residual adalah bertaburan normal dan tidak bias.


4.5.3 Regreasi Faktor Tidak Dapat Dikesan

Jadual 4.77 menunjukkan regresi OLS keciciran murid sekolah dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2013. Nilai koeffisyen adalah 2.367880 dengan nilai p<0.01. Nilai ini menjelaskan wujud hubungan linear positif dan signifikan pada paras 99% antara keciciran murid sekolah dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2013. Nilai Adjusted R2 yang diperoleh adalah 0.33 yang menjelaskan faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran murid sebanyak 33%. Regresi linear juga ditunjukkan dalam Rajah 4.103.

Jadual 4.77: Regresi OLS Keciciran Murid Dan Faktor Tidak Dapat Dikesan Di Sarawak Tahun 2013-2018

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Koeffisyen (Coefficient)	2.367880	1.112407	0.963292	0.874765	-1.917062	0.808020
Kebarangkalian (Probality)	0.002108*	0.226604	0.000112*	0.076656	0.237340	0.131558
Adjusted r-squared (R^2)	0.339029	0.045833	0.593256	0.124209	0.028965	0.065514
R-squared (R^2)	0.1624	0.0427	0.5923	0.217	0.02	0.2163
Jarque-bera	0.078615	0.418862	0.000023*	0.342436	0.031505*	0.005892*
Moran's Index			0.484709		0.350332	0.016666
Z-score			3.026953		2.749337	0.704444
P-value			0.002470		0.005972	0.481156


(*) Nilai yang signifikan



Rajah 4.103: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2013

Persamaan regresi yang ditunjukkan adalah y = 1.4625x + 13.234 dan wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2013. Nilai R2 adalah 0.16 yang menunjukkan korelasi adalah sangat lemah. Nilai Jarque-bera adalah 0.07 yang menunjukkan nilai yang tidak signifikan kerana nilai p>0.10. Model ini adalah bertaburan normal dan tidak bias. Oleh itu autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan.

Selanjutnya adalah perbincangan regresi OLS keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2014 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.77. Nilai koeffisyen hasil regresi OLS adalah 1.112407 dengan nilai p>0.10. jelas bahawa keicicran murid sekolah dengan faktor tidak dapat dikesan mempunyai hubungan linear yang positif tetapi tidak signifikan. Persamaan regresi ditunjukkan dengan jelas dalam Rajah 4.104.




Rajah 4.104: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2014

Persamaan regresi adalah y = -0.0859x + 19.518. Persamaan ini menunjukkan wujud hubungan negatif antara keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2014. Nilai R2 menunjukkan korelasi negatif antara dua pembolehubah ini adalah sangat lemah iaitu 0.04. Nilai Adjusted R2 yang diperoleh adalah 0.04 yang menunjukkan faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran sebanyak 4% sahaja bagi tahun 2014. Nilai Jarque-bera adalah tidak signifikan kerana p>0.10. Justeru model residual ini bertaburan normal dan tidak bias. Autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan.


Jadual 4.77 menunjukkan regresi OLS keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2015. Hasil regresi mendedahkan bahawa nilai koeffisyen adalah 0.963292 dengan nilai p<0.01. Oleh itu dapatan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan

linear positif dan signifikan pada tahap 99% antara keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2015. Persamaan regresi yang diperoleh adalah y = 1.0945x + 6.6735 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.105.




Rajah 4.105: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2015

Daripada persamaan ini jelas bahawa hubungan antara keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2015 adalah linear dan positif. Nilai R2 yang diperoleh adalah 0.59 yang menjelaskan kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini adalah sederhana. Nilai Adjusted R2 adalah 0.59 yang menjelaskan faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran murid bagi tahun 2015 sebanyak 59%. Nilai Jarque-bera yang diperoleh adalah signifikan iaitu $p<0.01$. Nilai ini membawa maksud bahawa model ini adalah bias dan tidak bertaburan normal. Justeru, autokorelasi ruangan perlu dijalankan. Hasil autokorelasi ruangan ditunjukkan dalam Rajah 4.106. Nilai Moran's Index adalah 0.484709. Nilai z skor adalah 3.026953 iaitu melebihi 2.58 manakala nilai $p<0.01$. Model keiciran murid sekolah menengah di Sarawak bagi tahun 2015 adalah berlaku secara kelompok. Jelas bahawa wujud autokorelasi ruangan.



Rajah 4.106: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan 2015


Jadual 4.77 menunjukkan regresi OLS keciciran murid sekolah dengan faktor tidak dapat dikesan di Sarawak bagi tahun 2016. Keputusan mendapati semakin tinggi faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2016, semakin tinggi keciciran murid sekolah menengah di Sarawak. Ini kerana nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 0.874765 dengan nilai p<0.10. Hasil regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.107.



Rajah 4.107: Regresi OLS Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2016


Persamaan yang ditunjukkan adalah y = 1.2623x + 10.82 yang menjelaskan bahawa kedua-dua pembolehubah bagi tahun 2016 mempunyai hubungan linear yang positif. Nilai R2 yang diperoleh adalah 0.21 yang menunjukkan korelasi adalah lemah. Nilai Adjusted R2 adalah 0.12 yang menjelaskan faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran bagi tahun 2016 sebanyak 12% sahaja. Nilai Jarque-bera hasil OLS menunjukkan nilai yang tidak signifikan. Ini menunjukkan residual keciciran murid sekolah bagi tahun 2016 adalah bertaburan normal dan tidak bias. Oleh itu autokorelasi ruangan tidak perlu dijalankan.

Nilai koeffisyen bagi keciciran murid sekolah dengan faktor tidak dapat dikesan di Sarawak bagi tahun 2017 adalah -1.917062 dengan nilai p>0.10 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.77. Ini menjelaskan bahawa wujud hubungan linear negatif. Semakin tinggi faktor tidak dapat dikesan semakin rendah keciciran murid sekolah bagi tahun 2017. Walau bagaimanapun regresi persamaan adalah y = 1.0679x + 9.4321 yang menunjukkan wujud hubungan positif seperti pada Rajah 4.108.



Rajah 4.108: Regresi OLS Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2017


Kekuatan hubungan adalah sangat lemah kerana nilai R2 adalah 0.02. Nilai Adjusted R2 yang diperoleh adalah hasil OLS ialah 0.028965 yang menunjukkan faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran murid 2017 sebanyak 2% sahaja. Nilai Jarque-bera pula menunjukkan nilai yang signifikan iaitu $p<0.05$. Ini menunjukkan model residual adalah bias dan tidak bertaburan normal. Autokorelasi ruangan dijalankan untuk mengesahkan corak yang wujud. Hasil autokorelasi ruangan ditunjukkan dalam Rajah 4.109. Nilai Moran's Index adalah 0.350332 dengan nilai z skor melebihi 2.58 manakala nilai $p<0.01$. Keputusan ini menunjukkan bahawa model residual berlaku secara berkelompok.



Rajah 4.109: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan 2017


Jadual 4.77 menunjukkan regresi OLS keciciran murid dengan faktor tidak dapat dikesan di Sarawak bagi tahun 2018. Nilai koeffisyen adalah 0.808020 dengan nilai $p>0.10$. Ini menjelaskan bahawa wujud hubungan positif antara keciciran murid dengan faktor tidak

dapat dikesan bagi tahun 2018 tetapi tidak signifikan. Hasil regresi ditunjukkan dalam Rajah 4.110.



Rajah 4.110: Regresi OLS Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan di Sarawak 2018

Persamaan regresi adalah y = 1.4313x + 8.8882 yang menunjukkan persamaan linear yang positif bagi keciciran murid sekolah menengah dengan faktor tidak dapat dikesan bagi tahun 2018. Nilai R2 diperoleh adalah 0.21 yang menunjukkan korelasi lemah. Nilai Adjusted R2 adalah 0.06 iaitu faktor tidak dapat dikesan mempengaruhi keciciran murid sekolah sebanyak 6%. Nilai Jarque-bera pula menunjukkan signifikan pada paras 99%. Justeru autokorelasi ruangan dijalankan. Keputusan ditunjukkan dalam Rajah 4.111. Nilai Moran's Index yang diperoleh adalah 0.016666. Nilai z skor adalah 0.704444 manakala nilai p >0.10 yang menunjukkan model ini bercorak rawak dan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.



Rajah 4.111: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan 2018

4.5.4 Regreasi Faktor Lain-Lain


Jadual 4.78 menunjukkan keputusan regresi keciciran murid dengan faktor lain bagi tempoh 2013-2018. Dalam kajian ini pembolehubah y adalah keciciran murid manakala pembolehubah x adalah faktor lain-lain. Keputusan OLS bagi tahun 2013 menunjukkan nilai (koeffisyen = 0.975392, nilai p<0.01) yang menunjukkan bahawa wujud hubungan linear yang positif antara keciciran murid dengan faktor lain-lain pada tahun 2013. Nilai Adjusted R2 adalah 0.32 yang menunjukkan sebanyak 32% daripada faktor lain-lain mempengaruhi keciciran murid pada tahun 2013.

Jadual 4.78: Regresi OLS Keciciran Murid dan Faktor Lain-lain di Sarawak tahun 2013-2018

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Koeffisyen (Coefficient)	0.975392	1.076064	1.350479	1.281811	1.096900	1.155246
Kebarangkalian (Probality)	0.000050*	0.018865*	0.016672*	0.005265*	0.000074*	0.000348*
Adjusted r-squared (R^2)	0.324211	0.218428	0.217141	0.212711	0.414177	0.329931
R-squared (R^2)	0.327	0.0427	0.3786	0.371	0.6345	0.2532
Jarque-bera	0.000000*	0.005412*	0.000000*	0.000003*	0.000003*	0.000638*
Moran's Index	-0.023528	0.107058	0.001346	0.026409	0.214765	-0.047451
Z-score	0.014121	1.473699	0.558516	0.406329	2.744434	-0.173012
P-value	0.988734	0.140563	0.576492	0.684501	0.006062	0.862642


(*) Nilai yang signifikan

Rajah 4.112 menunjukkan regresi keciciran murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2013. Persamaan regresi ialah y = 1.019x + 11.02. Korelasi antara kedua-dua pembolehubah adalah lemah iaitu dengan nilai R2 = 0.32. Nilai Jarque-bera yang diperoleh adalah signifikan p<0.01 yang menunjukkan keputusan adalah bias. Justeru, analisis autokorelasi perlu dijalankan. Hasil nilai Moran's Index ialah -0.023528 iaitu negatif yang menunjukkan kecenderungan berlakunya keciciran murid secara rawak di kawasan kajian. Nilai z skor adalah 0.014121 dengan nilai p>0.10.




Rajah 4.112: Regresi OLS Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2013

Rajah 4.113 menunjukkan keputusan autokorelasi ruangan. Model ini adalah rawak yang menunjukkan tiada autokorelasi ruangan.




Rajah 4.113: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Tidak Dapat Dikesan 2013

Regresi OLS keciciran murid dan faktor lain-lain bagi tahun 2014 ditunjukkan dalam Jadual 4.78. Nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.076064 dengan nilai $p<0.05$. Daripada keputusan tersebut, kes keciciran murid sekolah menengah dengan faktor lain-lain mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 95%. Nilai adjusted R2 adalah 0.21 yang menunjukkan bahawa keciciran murid sekolah bagi tahun 2014 adalah dipengaruhi faktor lain-lain sebanyak 21%. Hasil regresi keciciran murid sekolah dan faktor lain-lain bagi tahun 2014 ditunjukkan dalam Rajah 4.114.




Rajah 4.114: Regresi Kecicuran Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2014

Hasil regresi tersebut menunjukkan wujud hubungan negatif antara kecicuran murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2014. Persamaan linear adalah y = -0.0859x + 19.518 manakala nilai R2 adalah 0.04. Nilai ini menjelaskan bahawa korelasi adalah pada tahap lemah. Berdasarkan Jadual 4.78 nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan regresi ini adalah bias. Ini menunjukkan Analisis autokorelasi ruangan menunjukkan bahawa nilai Moran's Index adalah 0.107058 manakala nilai z skor adalah 1.473699 dengan nilai p lebih besar daripada 0.10 iaitu 0.98 seperti yang ditunjukkan dalamRajah 4.115. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah rawak dan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.




Rajah 4.115: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain 2014

Regresi OLS keciciran murid dan faktor lain-lain bagi tahun 2015 ditunjukkan dalam Jadual 4.78. Nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.350479 dengan nilai $p<0.05$. Daripada keputusan tersebut, kes keciciran murid sekolah menengah dengan faktor lain-lain mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 95%. Nilai adjusted R2 adalah 0.21 yang menunjukkan bahawa keciciran murid sekolah bagi tahun 2015 adalah dipengaruhi faktor lain-lain sebanyak 21%. Hasil regresi keciciran murid sekolah dan faktor lain-lain bagi tahun 2015 ditunjukkan dalam Rajah 4.116.




Rajah 4.116: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2015

Hasil regresi tersebut menunjukkan wujud hubungan positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2015. Persamaan linear adalah y = 1.6646x + 5.644 manakala nilai R2 adalah 0.37. Nilai ini menjelaskan bahawa korelasi adalah pada tahap lemah. Berdasarkan Jadual 4.78 nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan regresi ini adalah bias. Analisis autokorelasi ruangan menunjukkan bahawa nilai Moran's Index adalah 0.001346 manakala nilai z skor adalah 0.558516 dengan nilai p lebih besar daripada 0.10 iaitu 0.57 seperti yang ditunjukkan dalamRajah 4.117. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah rawak dan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.




Rajah 4.117: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Lain-Lain 2015

Regresi OLS keciciran murid dan faktor lain-lain bagi tahun 2016 ditunjukkan dalamJadual 4.78. Nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.281811 dengan nilai $p<0.01$. Daripada keputusan tersebut, kes keciciran murid sekolah menengah dengan faktor lain-lain mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 99%. Nilai Adjusted R2 adalah 0.21 yang menunjukkan bahawa keciciran murid sekolah bagi tahun 2015 adalah dipengaruhi faktor lain-lain sebanyak 21%. Hasil regresi keciciran murid sekolah dan faktor lain-lain bagi tahun 2016 ditunjukkan dalam Rajah 4.118.




Rajah 4.118: Regresi Kecicirán Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2016

Hasil regresi tersebut menunjukkan wujud hubungan positif antara kecicirán murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2016. Persamaan linear adalah y = 1.3739x + 8.7499 manakala nilai R2 adalah 0.37. Nilai ini menjelaskan bahawa korelasi adalah pada tahap lemah. Berdasarkan Jadual 4.78 nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan regresi ini adalah bias. Ini menunjukkan analisis autokorelasi ruangan menunjukkan bahawa nilai Moran's Index adalah 0.026409 manakala nilai z skor adalah 0.406329 dengan nilai p lebih besar daripada 0.10 iaitu 0.68 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.119. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah rawak dan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.




Rajah 4.119: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain 2016

Regresi OLS keciciran murid dan faktor lain-lain bagi tahun 2017 ditunjukkan dalam Jadual 4.78. Nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.096900 dengan nilai $p<0.01$. Daripada keputusan tersebut, kes keciciran murid sekolah menengah dengan faktor lain-lain mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 99% bagi tahun 2017. Nilai Adjusted R2 adalah 0.41 yang menunjukkan bahawa keciciran murid sekolah bagi tahun 2015 adalah dipengaruhi faktor lain-lain sebanyak 41%. Hasil regresi keciciran murid sekolah dan faktor lain-lain bagi tahun 2017 ditunjukkan dalam Rajah 4.120.



Rajah 4.120: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2017


Hasil regresi tersebut menunjukkan wujud hubungan positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2017. Persamaan linear adalah y = 1.2483x + 5.502 manakala nilai R2 adalah 0.63. Nilai ini menjelaskan bahawa korelasi adalah pada tahap yang kuat. Berdasarkan Jadual 4.78 nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan regresi ini adalah bias. Ini menunjukkan Analisis autokorelasi ruangan menunjukkan bahawa nilai Moran's Index adalah 0.214765 manakala nilai z skor adalah 2.744434 (lebih besar daripada 2.58) dengan nilai p kurang daripada 0.01 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.121. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah berkelompok dan ini menunjukkan wujud autokorelasi ruangan.



Rajah 4.121: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain 2017


Regresi OLS keciciran murid dan faktor lain-lain bagi tahun 2018 ditunjukkan dalam Jadual 4.78. Nilai koeffisyen yang diperoleh adalah 1.155246 dengan nilai $p<0.01$. Daripada keputusan tersebut, kes keciciran murid sekolah menengah dengan faktor lain-lain mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan pada paras 99% bagi tahun 2018. Nilai Adjusted R2 adalah 0.32 yang menunjukkan bahawa keciciran murid sekolah bagi tahun 2018 adalah dipengaruhi faktor lain-lain sebanyak 32%. Hasil regresi keciciran murid sekolah dan faktor lain-lain bagi tahun 2018 ditunjukkan dalam Rajah 4.122.

.



Rajah 4.122: Regresi Keciciran Murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain di Sarawak 2018

Hasil regresi tersebut menunjukkan wujud hubungan positif antara keciciran murid sekolah dengan faktor lain-lain bagi tahun 2018. Persamaan linear adalah y = 1.2108x + 8.2938 manakala nilai R2 adalah 0.25. Nilai ini menjelaskan bahawa korelasi adalah pada tahap yang lemah. Berdasarkan Jadual 4.77 nilai Jarque-bera adalah signifikan ($p<0.01$) yang menunjukkan regresi ini adalah bias. Ini menunjukkan Analisis autokorelasi ruangan menunjukkan bahawa nilai Moran's Index adalah -0.047451 manakala nilai z skor adalah -0.173012 dengan nilai p lebih besar daripada 0.10 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.123. Jelas bahawa keputusan autokorelasi ruangan mendedahkan residual adalah rawak dan ini menunjukkan tiada autokorelasi ruangan yang wujud.



Rajah 4.123: Hasil Autokorelasi Ruangan Keciciran murid Sekolah dengan Faktor Lain-lain 2018

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian yang membincangkan keseluruhan kajian Analisis Ruangan Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak. Elemen yang dibincangkan dalam bab ini ialah dapatan objektif kajian, kesimpulan, sumbangan kajian dan cadangan kajian.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini membincangkan hasil dapatan iaitu (i) corak ruangan keciciran murid sekolah mennegah di Sarawak (ii) kawasan hotspot keciciran murid dan (iii) kolerasi ruangan keciciran murid dengan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak.

5.2.1 Perbincangan Dapatan Objektif 1

Dapatan kajian ini menunjukkan hasil analisis ruangan menggunakan Global Moran's I dalam menunjukkan corak ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak bagi tempoh 2013 hingga 2018 adalah berlaku secara berkelompok dengan paras keyakinan 99% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Corak ruangan keciciran murid berkelompok disebabkan oleh sekolah menengah berada di pekan yang dijadikan sebagai pusat pentadbiran daerah dan bandar utama serta lokasi murid yang tercicir ditaburkan secara rawak dalam lingkungan 10 kilometer persegi dari lokasi sekolah.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (2019), terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada keciciran murid sekolah menengah di Sarawak. Walau bagaimanapun, faktor tidak berminat merupakan faktor yang paling banyak mempengaruhi keciciran murid iaitu 41.97% diikuti faktor lain-lain 24.8%, faktor ketiga ialah tidak dapat dikesan dengan kadar 13.27%, faktor diberhentikan 11.51% manakala faktor keluarga, bekerja, sakit, cacat, miskin, tiada dokumen, keselamatan dan sukar adalah kurang daripada 10%. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor tidak berminat telah mendorong murid sekolah menengah di Sarawak untuk tidak ke sekolah.

Selain itu, faktor keciciran murid sekolah menengah di Sarawak juga dipengaruhi faktor jantina. Data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (2019) menunjukkan bahawa murid sekolah menengah dalam kalangan murid lelaki paling ramai tercicir iaitu sejumlah 7,881 orang atau 61.2% berbanding perempuan iaitu 4,992 orang atau 38.7% dalam tempoh 2013-2018. Dapatan ini mendedahkan bahawa murid lelaki menyumbang kepada keciciran sekolah menengah di Sarawak. Dalam konteks kaum pula menunjukkan bahawa kaum bumiputera paling tinggi berlaku keciciran iaitu 7,270 orang (56.4%) dalam tempoh 2015-2018. Kedua tertinggi adalah terdiri daripada kaum Melayu dengan jumlah 3,386 orang (26.2%) manakala ketiga tertinggi kaum Cina dengan jumlah 1,826 orang (14.1%) diikuti kaum Penan sejumlah 243 orang (1.8%) dan paling sedikit adalah kaum lain-lain iaitu 150 orang (1.1%) dalam tempoh 2013-2018.

Penemuan kajian ini disokong oleh Lekhesa (2007) yang menyatakan sebilangan pelajar terpaksa bersekolah dengan tanpa keinginan sendiri. Pelajar kemungkinan dihatar ke sekolah secara paksa oleh ibu bapa atau penjaga. Justeru ini menjelaskan bahawa pelajar-pelajar ini wujud di sekolah secara fizikal tanpa bertindak balas secara aktif dan tidak menyukai persekitaran sekolah. Kajian Suares et al (2015) pula mendapati pelajar kurang

minat ke sekolah disebabkan kesukaran menghadapi mata pelajaran yang diajar di sekolah. Ini mungkin merupakan petunjuk bahawa sebilangan pelajar yang berhenti skolah mengalami kesukaran mengikuti semua mata pelajaran. Justeru, kecenderungan yang lebih tinggi untuk berhenti sekolah adalah disebabkan kesukaran menghadapi semua mata pelajaran dan ini sekali gus menunjukkan bahawa pelajar tidak berminat. Kajian oleh Chappell (2011) mendapati bahawa murid lelaki sekolah menengah lebih ramai yang terciri berbanding murid perempuan. Kebanyakan pelajar lelaki tercicir adalah dipengaruhi oleh faktor individu iaitu masalah akademik manakala pelajar perempuan pula dipengaruhi faktor kehamilan.

5.2.2 Perbincangan Dapatan Objektif 2

Hasil kajian ini menggunakan analisis Getis Ord Gi* mendapati bahawa kawasan sekolah di bawah pentadbiran PPD Song dan Kanowit merupakan kawasan *coldspot* keciciran murid sekolah menengah dari tahun 2013 hingga tahun 2018. Bagi kawasan luar bandar sekolah di bawah pentadbiran PPD Mukah merupakan kawasan *hot spot* keciciran murid dari tahun 2013 hinga 2018. Ini ditunjukkan dengan nilai p-value $p< 0.001$ dan nilai GiBin 3 setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2018.

Dari segi jantina pula, kawasan *hot spot* keciciran murid lelaki berlaku di kawasan bandar. Kajian ini mendapati sekolah menengah di bawah pentadbiran PPD Bintulu merupakan kawasan *hot spot* keciciran murid lelaki bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2017 dan 2018 manakala sekolah menengah di bawah pentadbiran PPD Kuching pada tahun 2016. Bagi murid perempuan pula, kawasan *hot spot* keciciran murid perempuan berlaku di bandar pada tahun 2013 di bawah Pentadbiran PPD Kuching dan PPD Padawan dan tahun 2016 di bawah pentadbiran PPD Miri. Bagi tahun 2014 pula berlaku di sekolah luar bandar di bawah

pentadbiran PPD Kapit dan tahun 2015 berlaku di sekolah di bawah PPD Belaga. Kawasan hot spot keciciran purid perempuan beralih ke kawasan bandar pada tahun 2017 iaitu kawasan *hot spot* keciciran murid paling tinggi di bawah pentadbiran PPD Kuching dan tahun 2018 sekolah dalam Grid 992 di bawah pentadbiran PPD Bintulu.

Seterusnya, kawasan hotspot keciciran murid megikut kaum adalah berdasarkan tiga kaum murid yang utama iaitu Melayu, Bumiputera dan Cina. Bagi kaum Melayu kawasan *hot spot* keciciran murid pada tahun 2013, 2015, 2016 2017 dan 2018 adalah di Grid 189 yang terletak di pentadbiran PPD Kuching dan Padawan. Manakala, kawasan *hot spot* murid kaum Melayu pada tahun 2014 pula di Grid 246 di bawah PPD Kuching. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kawasan *hot spot* keciciran kaum Melayu ini bertumpu di kawasan bandar.

Bagi kaum Bumiputera pula, kawasan *hot spot* keciciran murid adalah di Grid 463 pada tahun 2013 yang terletak di kawasan luar bandar iaitu bawah pentadbiran PPD Kapit dan Grid 971 pada tahun 2015 di bawah pentadbiran PPD Belaga. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, 2016, 2017 dan 2018 kawasan *hot spot* keciciran kaum Bumiputera adalah di kawasan bandar iaitu di Grid 992 terletak di bawah pentadbiran PPD Bintulu.

Kawasan *hot spot* kaum Cina pula berlaku di Grid 992 di bawah pentadbiran PPD Bintulu pada tahun 2013. Pada tahun 2014 pula di Grid 189 di bawah PPD Kuching dan Padawan dengan nilai Z-skor ialah 26.84674. Pada tahun 2015, 2016, 2017 kawasan *hot spot* keciciran murid kaum Cina pula di Grid 576 di bawah pentadbiran PPD Sibu dengan nilai Z-skor 27.07369 (2015), 17.66603 (2016), 21.508603 (2017) dan 21.492252 (2018). Kawasan *hot spot* keciciran murid kaum Cina berlaku di tiga buah bandar utama iaitu Bintulu, Kuching dan Sibu.

Dari segi faktor pula, kawasan *hot spot* faktor tidak minat paling tinggi ialah di Grid 463 pada tahun 2013 yang terletak di PPD kapit terletak di kawasan luar bandar. Namun begitu, kawasan *hot spot* faktor tidak minat pada tahun 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018 berlaku di bandar iaitu Grid 992 di PPD Bintulu.

Bagi faktor diberhentikan pula, kawasan *hot spot* keciciran murid pada tahun 2013 dan 2014 di Grid 462 di PPD Kapit, 2015, 2016, 2017 di Grid 893 di bawah pentadbiran PPD Tatau. Kawasan tadahan bagi murid cicir di PPD kapit dan PPD Tatau merupakan kawasan luar bandar dan pedalaman. Walau bagaimanapun, kawasan *hot spot* keciciran murid pada tahun 2018 di Grid 992 di PPD Bintulu yang terletak di kawasan bandar. Murid yang tercicir di kawasan bandar ini mungkin terdiri dari kalangan anak migran dari luar bandar ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan atau murid yang berasal dari luar bandar dan tinggal di asrama yang disediakan di sekolah.

Kawasan *hot spot* faktor tidak dapat dikesan pada tahun 2013 di Grid 189 di bawah pentadbiran PPD Kuching dan Padawan, 2014 Grid 246 Kuching, 2015 Grid 971 PPD Belaga, 2016 di Grid 404 di bawah pentadbiran PPD Julau, Grid 103 pada tahun 2017 di bawah pentadbiran PPD Padawan dan Grid 142 di bawah pentadbiran PPD Samarahan pada tahun 2018.

5.2.3 Perbincangan Dapatan Objektif 3

Bahagian ini membincangkan hubungkait antara keciciran murid dengan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid di kawasan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.75. Hasil analisis menunjukkan kolerasi yang lemah antara pembolehubah keciciran murid sekolah menengah dengan faktor tidak minat tetapi mempunyai hubungan linear yang positif dari tahun 2013 hingga 2018. Berdasarkan tren keciciran murid, kebanyakan murid

yang tercicir adalah murid lelaki iaitu berjumlah 7881 orang bagi tempoh 2013 -2018 atau 61.22%. Residual keciciran murid disebabkan faktor tidak minat adalah berlaku secara rawak bagi tahun 2013, 2014 dan 2017. Namun begitu, wujud autokolerasi ruangan keciciran murid dengan faktor tidak minat bagi tahun 2015, 2016 dan 2018 yang menunjukkan keciciran murid berlaku secara kelompok.

Dari segi faktor diberhentikan, keputusan regreasi OLS menunjukkan keciciran murid dengan faktor diberhentikan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dari tahun 2013 hingga 2018 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.76. Namun demikian, residual keciciran murid disebabkan faktor diberhentikan adalah bertaburan secara normal dan tidak bias bagi tahun 2013 hingga 2018 dan tiada autokolerasi ruangan yang wujud. Keciciran murid dipengaruhi oleh faktor diberhentikan sebanyak 36% (2013), 39%(2014), 23%(2016).

Bagi faktor tidak dapat dikesan yang menyebabkan keciciran murid, keputusan regreasi OLS mempunyai hubungan linear yang positif dan signifikan tetapi mempunyai menunjukkan korelasi yang sangat lemah yang ditunjukkan dalam Jadual 4.77. Nilai Jarque-bera bagi tahun 2013, 2014 dan 2016 adalah tidak signifikan yang menunjukkan model residual adalah bertaburan normal dan tidak bias. Namun begitu, keputusan autokolerasi ruangan menunjukkan bahawa keciciran murid disebabkan faktor tidak dapat dikesan berlaku secara berkelompok pada tahun 2015 dan 2017 yang menunjukkan wujud autokolerasi ruangan. Keciciran murid bagi faktor yang tidak dapat dikesan biasanya berlaku bagi sekolah menengah di luar bandar.

Regreasi OLS keciciran murid dengan faktor lain-lain menunjukkan hubungan linear yang positif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.78. Keputusan autokolerasi ruangan keciciran murid disebabkan faktor lain-lain adalah secara rawak bagi tahun 2013,

2014, 2015, 2016 dan 2018. Namun begitu, keputusan autokolerasi ruangan pada tahun 2017 mendedahkan residual adalah berkelompok dan ini menunjukkan wujud autolerasi ruangan.

5.3 Kesimpulan

5.3.1 Kesimpulan Objektif 1

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Global Moran's I dapat mengenal pasti corak ruangan berdasarkan ciri lokasi dan nilai atribut. Output yang terhasil daripada Global Moran's I iaitu nilai indeks Moran's I, nilai z skor dan nilai p membantu mengesahkan corak ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak secara global dalam konteks ruangan. Selain itu, analisis Global Moran's I juga mengira nilai z skor dan nilai p untuk mendapatkan pengesahan sama ada hipotesis nul boleh ditolak atau sebaliknya. Hasil Global Moran's I dalam kajian ini menunjukkan corak ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak bagi tempoh 2013-2018 adalah berlaku secara berkelompok dengan paras keyakinan 99%.

5.3.2 Kesimpulan Objektif 2

Pendekatan GIS sebagai alat dalam kajian ini dengan menggunakan analisis *hot spot* Getis Ord Gi* dalam mengenal pasti kawasan dan faktor risiko yang menyebabkan keciciran dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sarawak. Kawasan *hot spot* keciciran yang berterusan memerlukan perhatian yang khusus oleh semua pihak berkepentingan. Kawasan *hotspot* keciciran murid sekolah menengah memerlukan kajian yang lebih lanjut untuk mengaitkan keadaan tersebut dengan faktor politik dan keadaan sosio ekonomi mengikut tahun kajian. Analisis ruangan yang dilakukan dapat dijadikan sebagai langkah permulaan dalam membina perancangan strategik untuk memastikan objektif Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia 2013-2025 tercapai serta untuk mempertingkatkan sistem pendidikan dan seterusnya status sosioekonomi.

Walau bagaimanapun, sekolah yang terlibat dalam kajian ini tidak memberikan maklumat berkaitan sosioekonomi seperti pendapatan dan jenis pekerjaan ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah menengah yang tercicir. Kekurangan maklumat menyebabkan faktor sosioekonomi tidak dapat dikenalpasti dalam kajian ini. Kesimpulan hasil dapatan adalah jelas bahawa sekolah di kawasan bandar terutamanya di kawasan Bintulu cenderung mempunyai keciciran yang dipengaruhi oleh faktor tidak berminat. Bagaimanapun kajian ini tidak dapat mengenal pasti secara terperinci aspek-aspek yang tidak diminati. Justeru, cadangan kajian pada masa hadapan agar dapat menambah baik jurang kajian dengan meneliti lebih terperinci faktor-faktor tidak minat sama ada tidak berminat dengan mata pelajaran yang diajar, persekitaran sekolah dan sebagainya.

Kajian juga mendapati sekolah di kawasan luar bandar paling berisiko dipengaruhi oleh faktor diberhentikan. Bagaimanapun, punca diberhentikan tidak diketahui kerana tidak dinyatakan oleh pihak sekolah. Justeru, kajian akan datang dapat merungkai lagi faktor pelajar sekolah menengah di Sarawak dibuang sekolah sama ada disebabkan masalah disiplin, penglibatan dalam penagihan dadah atau melakukan tindakan lain yang menyebabkan pelajar dibuang sekolah. Terdapat sekolah yang terletak di kawasan kebolehcapaian sederhana dan faktor keciciran tidak dapat dikesan. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk mendapatkan alamat kediaman keciciran dan mengesan punca tidak ke sekolah agar maklumat terperinci dapat membantu membendung masalah keciciran sekolah di Sarawak. Kekuatan kajian ini adalah untuk mengesan lokasi yang mempunyai kepadatan pengelompokan faktor kes keciciran yang tinggi mengikut kawasan pentadbiran PPD yang tidak dapat dikesan dengan baik jika menggunakan analisis deskriptif. Kajian ini juga dapat

membantu mengisi kekosongan dalam kajian lepas. Hasil kajian ini dapat membantu kementerian pelajaran membuat keputusan bagi mengatasi masalah keciciran sekolah menengah di Sarawak dalam konteks ruang. Kajian ini menggunakan data kumulatif iaitu data keciciran yang dilaporkan oleh pihak sekolah.

5.3.3 Kesimpulan Objektif 3

Kesimpulannya, kajian ini mendedahkan bahawa kaedah Ordinary Least Square dapat membantu mengenal pasti hubungkait antara keciciran murid dengan faktor-faktor utama yang menyebabkan keciciran dalam konteks hubungan global serta dapat memodelkan hubungan ruangan antara dua pembolehubah tersebut. Justeru kaedah ini dapat membantu memahami isi keciciran murid dengan faktor-faktor keciciran dalam konteks ruangan di kawasan kajian. Melalui kaedah OLS mendedahkan bahawa keciciran murid dengan faktor-faktor keciciran di Sarawak cenderung menunjukkan hubungan positif yang signifikan secara statistik tetapi korelasinya adalah lemah yang menunjukkan hubungkait tidak begitu kuat.

5.4 Sumbangan Kajian

Kajian keciciran murid sekolah menengah di Sarawak dapat memberi sumbangan dalam menyahut cabaran Matlamat Pembangunan Milenium. Kajian untuk mengenalpasti kawasan *hot spot* keciciran murid sangat penting kerana ia membantu menentukan kawasan yang mempunyai tumpuan keciciran murid yang paling tinggi. Ini dapat membantu pihak berkepentingan membuat keputusan khususnya Pejabat Pendidikan Daerah untuk melaksanakan program intervensi serta mengurus murid yang berisiko cicir dan tercicir dari sekolah. Hasil kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak mengenalpasti Kawasan *hot spot* keciciran murid berbanding sebelum ini hanya laporan

keciciran murid secara kumulatif. Pengenalpastian taburan ruangan dan Kawasan hot spot keciciran murid dapat membantu pihak berkepentingan untuk mengurus murid berisiko cicir dengan lebih berkesan.

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai faktor-faktor yang menyebabkan menyebabkan murid tercicir khususnya di peringkat sekolah menengah. Hasil kajian dapat memberi maklumat dan idea kepada ahli akademik, kerajaan, masyarakat serta pihak berkepentingan dalam menguruskan murid berisiko cicir atau murid yang sudah tercicir dri alam persekolahan. Walaupun kawasan keciciran murid yang tinggi dapat dikenalpasti dengan menggunakan analisis ruangan, pemetaan tidak memungkinkan untuk memahami strategi yang perlu digunakan kerana maklumat murid berkaitan dengan faktor individu seperti keputusan peperiksaan (dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah), Sahsiah Murid (Sistem Sahsiah Diri Murid) dan faktor sosioekonomi tidak diperolehi daripada APDM.

Dalam bidang akademik, kajian ini dapat memberi sumbangan memperkembangkan ilmu pengetahuan baharu melalui penghasilan model ruangan iaitu *hot spot* keciciran murid dan model regresi OLS faktor keciciran murid dengan menggunakan integrasi SMG. Kajian sebelum ini kebanyakannya menggunakan kaedah SPSS bagi mengkaji faktor keciciran murid. Penggunaan analisis berkenaan tidak dapat mengenalpasti kawasan hot spot keciciran murid yang melibatkan data ruangan seperti sempadan daerah pendidikan dan kawasan tadahan tempat tinggal murid.

Analisis corak ruangan Global Moran's I juga berkeupayaan mengenalpasti taburan ruangan keciciran murid manakala kaedah Getis Ord Gi* dapat mengesan kawasan *hot spot* keciciran murid yang signifikan secara statistik di kawasan kajian. Kaedah OLS yang digunakan juga untuk mengkaji pertalian antara keciciran murid demgan faktor yang menyebabkan keciciran dapat mempelbagaikan kaedah yang lebih efektif bagi mengkaji

analisis ruangan keciciran murid kerana pembolehubah diukur melalui ujian statistik yang terdiri daripada koeffisyen, kebarangkalian dan nilai *Jarquera -Bera.*

Seterusnya dari segi sumbangan terhadap teori, kajian ini dapat membantu membuktikan teori dan menjelaskan isu keciciran murid dan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan tersebut di kawasan kajian. Terdapat empat teori yang mempengaruhi fenomena keciciran murid iaitu teori sumber manusia, teori tingkah laku ekonomi, teori faktor penarik dan penolak dan teori modal insan. Dengan menggunakan aplikasi SMG untuk memetakan kawasan keciciran murid dan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran. Disamping itu juga, kajian ini mempunyai kelebihan dengan menggunakan kaedah grid untuk memaparkan kawasan *hot spot* keciciran murid walaupun lokasi tempat tinggal murid tidak dibekalkan. Ini dapat mendedahkan perkaitan ruangan dan keciciran murid berdasarkan sempadan grid kawasan sekolah dan daerah pentadbiran pendidikan supaya langkah intervensi yang lebih berfokus dapat dilaksanakan untuk mengatasi isu keciciran murid. Kajian ini menggunakan unit grid berdasarkan jarak yang digunakan KPM untuk mengenalpasti kawasan keciciran dan mencapai objektif kajian walaupun alamat murid tidak dapat diperolehi.

Kajian ini juga dapat membantu masyarakat khususnya di kawasan *hot spot* keciciran murid supaya prihatin terhadap isu sosial yang berkaitan dengan keciciran murid. Ini kerana keciciran murid faktor individu yang disebabkan sering dikaitkan dengan masalah sosial seperti terlibat dengan penyalahan gunaan bahan dan inhalan serta jenayah berkaitan dadah. Dengan keadaan sedemikian masyarakat akan sedar bahawa isu keciciran murid bukan masalah individu yang tercicir dari alam persekolahan tetapi isu yang perlu ditangani bersama untuk menjayakan matlamat pembangunan mampan 2030.

Dapatan kajian juga dapat membantu mempengaruhi pembuatan keputusan khususnya kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menambahbaik polisi dan dasar yang berkaitan dengan pendidikan. Pihak kerajaan akan dapat menilai semula serta lebih berfokus bagi kawasan atau daerah yang mempunyai pengelompokan keciciran murid bagi menambahbaik infrastruktur dan kemudahan yang disediakan bagi sekolah yang terlibat. Kajian ini dapat membantu pihak KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak menanangani isu keciciran murid berdasarkan penyelesaian mengikut lokasi. Hasil kajian juga dapat membantu setiap sektor di jabatan pendidikan negeri berdasarkan lokasi hot spot keciciran murid untuk melaksanakan pengurusan sekolah yang lebih cekap untuk meningkatkan penyertaan enrolmen pendidikan menengah.

Keupayaan kajian yang memaparkan kawasan *hot spot* keciciran murid berdasarkan gender, kaum, faktor-faktor serta tahap pendidikan juga dapat membantu kerajaan untuk menambahbaik dasar berkaitan pendidikan dan ekonomi. Dengan menggunakan SMG dan teori yang berkaitan pendidikan langkah-langkah yang lebih strategik dapat dilaksanakan serta membantu golongan sasar untuk memastikan tiada masyarakat terpinggir untuk mengikuti pendidikan percuma hingga peringkat menengah atas.

5.5 Cadangan Kajian Masa Depan

Bahagian ini akan mengetengahkan kajian lanjutan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak di masa hadapan. Cadangan ini amat penting bagi menambahbaik kajian yang sedia ada dan menyumbang kepada penemuan baharu tentang keciciran murid dan faktor-faktor yang menyebabkan keciciran supaya lebih terperinci serta maklumat yang pelbagai. Hasil daripada kajian ini mencadangkan agar penyelidik dan pihak jabatan

pendidikan menggunakan serta membekalkan alamat tempat tinggal murid yang tercicir bagi memudahkan perletakan rujukan koordinat murid untuk membolehkan analisis kajian dapat dijalankan dengan lebih terperinci. Disamping itu juga, kawasan kajian tidak terhad kepada grid tetapi merangkumi kawasan tadahan sekolah yang sebenar serta dapat menghasilkan kawasan *hot spot* mengikut sempadan setiap sekolah. Penggunaan alamat murid yang tercicir juga membolehkan penggunaan teknik *Inverse Distance Weighted* bagi melalukan analisis keciciran murid.

Kajian ini juga menghadapi kekangan untuk mendapatkan data berkaitan murid yang sedia ada di pangkalan data seperti latar belakang sosioekonomi, rekod displin, kehadiran maklumat bantuan serta pencapaian akademik seseorang murid yang tercicir. Sekiranya data ini dapat dibekalkan pelbagai analisis dapat dilakukan untuk mengenalpasti punca sebenar serta mengukuhkan lagi teori yang berkaitan dengan keciciran murid serta mengesan punca *hot spot* yang lebih spesifik di kawasan kajian.

Di samping itu, kajian lanjutan berkaitan keciciran murid dengan menjalankan kajian korelasi ruangan dengan kes jenayah serta penyalahgunaan dadah di kawasan *hot spot* keciciran murid. Ini kerana isu penyalahgunan dadah dan jenayah berkaitan dadah sering dikaitkan dengan golongan remaja. Perkaitan ruangan antara keciciran murid dengan penyalahgunaan dadah dan jenayah berkaitan dadah amat penting diketengahkan supaya masalah berkaitan dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Hasil kajian juga turut mencadangkan agar penyelidikan akan datang mengabungkan kaedah kualitatif dengan mendapatkan maklumat secara soal selidik daripada murid yang tercicir di kawasan *hot spot*. Kajian ini amat penting bagi mendapatkan maklumat kesan daripada keciciran murid dari persekolahan kepada individu dan keluarga

serta persekitaran kawasan yang termasuk dalam kawasan *hot spot* supaya dasar pembangunan kerajaan sampai ke golongan sasar.

RUJUKAN

Abd Kadir, N.D.N., & Adnan, N. (2016). Temporal geospatial analysis of secondary school students' examination performance. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, *37*(1). https://doi.org/10.1088/1755-1315/37/1/012020

Abotsi, Anselm Komla, Yaganumah, N., & Obeng, H. E. (2018). Dropouts Issues and Its Economic Implications: Evidence From Rural Communities in Ghana. *Journal of Economics and Economic Education Research*, *19*(1), 1-13.

Aguti, J. N., Nakibuuka, D., & Kajumbula, R. (2009). Determinants of Student Dropout from Two External Degree Programmes of Makerere University, Kampala, Uganda. *Malaysian Journal of Distance Education*, *11*(2), 13-33.

Ajaja, P. O. (2012). School Dropout Pattern among Senior Secondary Schools in Delta State, Nigeria. *International Education Studies*, *5*(2), 145-153. https://doi.org/10.5539/ies.v5n2p145

Ajuru, I., & Harcourt, P. (2015). School Location , School Section and Students' Gender as Predictors to Secondary School Dropout Rate in Rivers State , Nigeria. *Journal of Education and Pratice*, *6*(28), 113-118.

Al-hanbali, N., Al-kharouf, R., & Bilal, M. (2003). Integration of Geo Imagery and Vector Data Into School Mapping Gis Data-Model for Educational Decision Support System in Jordan. *Information Systems*, *October 2015*.

Al-Rasheed, K., & I. El-Gamily, H. (2013). GIS as an Efficient Tool to Manage Educational Services and Infrastructure in Kuwait. *Journal of Geographic Information System*, *05*(01), 75-86. https://doi.org/10.4236/jgis.2013.51008

Aloise-Young, P. A., & Chavez, E. L. (2002). Not all school dropouts are the same: Ethnic differences in the relation between reason for leaving school and adolescent substance use. *Psychology in the Schools*, *39*(5), 539-547. https://doi.org/10.1002/pits.10054

Arman, A., Purwandaya, B., & Saefuddin, A. (2020). The Impact of Quality of Education and Higher Education on Economic Growth. *Journal of Economic Education*, *9*(1), 64-70. https://doi.org/10.15294/jeec.v9i1.36774

Attfield, I., Tamiru, M., Parolin, B., & De Grauwe, A. (2001). Improving micro-planning in education through a geographical information system: studies on Ethiopia and Palestine. In *IIEP Publication, UNESCO*.

Battin-pearson, S., Newcomb, M. D., Abbott, R. D., Hill, K. G., Catalano, R. F., & Hawkins, J. D. (2000). *Predictors of Early High School Dropout : A Test of Five Theories*. *92*(3), 568-582.

Bergeron, J., Chouinard, R., & Janosz, M. (2011). The Impact of Teacher-Student Relationships and Achievement Motivation on Students ' Intentions to Dropout According to Socio-economic Status. *US-China Education Review*, *2*, 273-279.

Boylan, R. L., & Renzulli, L. (2017). Routes and Reasons Out, Paths Back: The Influence of Push and Pull Reasons for Leaving School on Students' School Reengagement. *Youth and Society*, *49*(1), 46 -71. https://doi.org/10.1177/0044118X14522078

Bradley, C. L., & Renzulli, L. A. (2011). The complexity of non-completion: Being pushed or pulled to drop out of high school. *Social Forces*, *90*(2), 521545. https://doi.org/10.1093/sf/sor003

Breton, T. R. (2004). Can institutions or education explain world poverty? An augmented Solow model provides some insights. *Journal of Socio-Economics*, *33*(1), 45-69.

Bruno, J. E. (1996). Use of geographical information systems (GIS) mapping procedures to support educational policy analysis and school site management. *International Journal of Educational Management*, *10*(6), 24-31. https://doi.org/10.1108/09513549610151677

Bukhari , Z., Rodzi A. M. and Noordin, A. (2010). Spatial multi-criteria decision analysis for safe school site selection. *International Geoinformatics Research and Development Journal,1,* 1-14.

Caro, F., Shirabe, T., Guignard, M., & Weintraub, A. (2004). School redistricting: Embedding GIS tools with integer programming. *Journal of the Operational Research Society*, *55*(8), 836-849. https://doi.org/10.1057/palgrave.jors.2601729

Chappell, M. L. (2011). Ethnicity, Gender, and High School Dropouts. A Case Study. Graduate School Thesis. Western Carolina University, https://libres.uncg.edu/ir/wcu/f/ChappellM2011.pdf

Chaudhuri, K., & Maitra, P. (2008). School Attainment, Completion, and Economic Development : A Cross-Country Analysis. *Review of Development Economics*, *12*(1), 90-105.

Clarke, G. P., & Langley, R. (1996). A review of the potential of GIS and spatial modelling for planning in the new education market. *Environment and Planning C: Government and Policy*, *14*(3), 301-323. https://doi.org/10.1068/c140301

Clarke, K. (1986). Advances Information. *Computers, Environment and Urban Systems*, *10*(3-4), 175-184.

County, B., Murimi, M., Musiega, D., & Mulefu, F. O. (2010). *Planning and Analysis of Educational Facilities using GIS : A Case Study of. April*. file:///C:/Users/BPSR-Ariana/Downloads/AGSE2012_2nd_edition_2012_08_17_Mulefu (1).pdf

De Witte, K., Cabus, S., Thyssen, G., Groot, W., & Van Den Brink, H. M. (2013). A critical review of the literature on school dropout. *Educational Research Review*, *10*, 13-28. https://doi.org/10.1016/j.edurev.2013.05.002

De Witte, K., & Rogge, N. (2013). Dropout from Secondary Education: All's well that begins well. *European Journal of Education*, *48*(1), 131-149. https://doi.org/10.1111/ejed.12001

Dearden, L., Emmerson, C., Frayne, C., & Meghir, C. (2009). Conditional cash transfers and school dropout rates. *Journal of Human Resources*, *44*(4), 827-857. https://doi.org/10.1353/jhr.2009.0013

Dekkers, H., & Claassen, A. (2001). Dropouts - disadvantaged by definition? A study of the perspective of very early school leavers. *Studies in Educational Evaluation*, *27*(4), 341-354. https://doi.org/10.1016/S0191-491X(01)00034-7

Freudenberg, N., & Ruglis, J. (2007). Reframing school dropout as a public health issue. *Preventing Chronic Disease*, *4*(4), A107. https://doi.org/A107 [pii]

Gao, Y., He, Q., Liu, Y., Zhang, L., Wang, H., & Cai, E. (2016). *Imbalance in Spatial Accessibility to Primary and Secondary Schools in China : Guidance fo Education Sustainability*. https://doi.org/10.3390/su8121236

Glennie, E., Bonneau, K., & Dodge, K. A. (2013). Addition by Subtraction: The Relation Between Dropout Rates and School-Level Academic Achievement. *Teachers College Record*, *114(8)*(1970), 1-26.

Guimarães, J., Sampaion, B., & Sampaino, Y. (2010). What is behind University Dropout Decision in Brazil ? A Bivariate Probability Model. *The Empirical Economics Letters*, *9*(June), 601–608.

Hanushek, E. A., Lavy, V., & Hitomi, K. (2008). Do Students Care about School Quality?

Determinants of Dropout Behavior in Developing Countries. *Journal of Human Capital*, *2*(1), 69–105. https://doi.org/10.1086/529446

Hashim, H., Sadek, E. S. S. M., & Wan Mohd, W. M. N. (2018a). The spatial distribution of "hotspot schools" and the relationship with crime pattern in Mukim Petaling and Klang. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, *169*(1). https://doi.org/10.1088/1755-1315/169/1/012109

Hashim, H., Sadek, E. S. S. M., & Wan Mohd, W. M. N. (2018b). The spatial distribution of "hotspot schools" and the relationship with crime pattern in Mukim Petaling and Klang. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, *169*, 12109. https://doi.org/10.1088/1755-1315/169/1/012109

Ibourk, A., & Amaghouss, J. (2014). The performance of educational system in Morocco: A spatial analysis. *Regional and Sectoral Economic Studies*, *14*(2), 109-128.

Ioana,M. I., Anda, M. I., Cornelia, P., & Mariana, C.R. (2015). School Dropout: A Social Problem in Romania. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*, *182*, 623 - 628. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.795

Jordan, J. L., Genti, K., & Mykerezi, E. (2012). Rural and urban high school dropout rates: Are they different? *J Res Rural Educ*, *27*(12), 2012.

Kelly, J. A., & Fu, M. (2014). Sustainable school commuting - understanding choices and identifying opportunities. A case study in Dublin, Ireland. *Journal of Transport Geography*, *34*, 221-230. https://doi.org/10.1016/j.jtrangeo.2013.12.010

Kimosop, P. K., Otiso, K. M., & Ye, X. (2015). Spatial and gender inequality in the Kenya certificate of primary education examination results. *Applied Geography*, *62*, 44-61. https://doi.org/10.1016/j.apgeog.2015.04.006

Kishore, A. R., & Shaji, K. (2012). School Dropouts: Examining the Space of Reasons.

Indian Journal of Psychological Medicine, *34*(4), 318. https://doi.org/10.4103/0253-7176.108201

Kyridis, A., Florinas-nikis, K., Tsakiridou, E., Florinas-nikis, K., Koutouzis, M., & Tziamtzi, C. (2011). *Educational Inequalities and School Dropout in Greece*. *3*(2), 1-15. https://doi.org/10.5296/ije.v3i2.855

Koch, A., Nafziger, J., & Nielsen, H. S. (2015). Behavioral economics of education. *Journal of Economic Behavior & Organization, 115*, 3-17.

Langley, R. (2001). The application of GIS to education administration. *International Research in Geographical and Environmental Education*, *10*(1), 92-99. https://doi.org/10.1080/10382040108667428

Latif, A., Choudhary, A. I., & Hammayun, A. A. (2015). Economic Effects of Students' Dropouts. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, *III*(6), 1511-1521.

Lekhesa, M. (2007). Causes and effects of school dropouts.National Universityof Lesotho.

Leng, K. S., Samat, N., & Sirat, M. (2016). Accessibility Of Educational Services to The Poor in The Northern Region of Penisular Malaysia: A Socio-Spatial Perspective. *Journal of Human Capital Development, Vol.9*(1).

Lloyd, C. B., Mensch, B. S., & Clark, W. H. (2005). The Effects of Primary School Quality on School Dropout among Kenyan Girls and Boys. *Comparative Education Review*, *44*(2), 113-147. https://doi.org/10.1086/447600

Lubienski, C., & Lee, J. (2017). Geo-spatial analyses in education research: the critical challenge and methodological possibilities. *Geographical Research*, *55*(1), 89-99. https://doi.org/10.1111/1745-5871.12188

Mann, B., & Saultz, A. (2019). The Role of Place, Geography, and Geographic Information

Systems in Educational Research. *AERA Open*, *5*(3), 1-5. https://doi.org/10.1177/2332858419869340

Marzuki, M., Mapjabil, J., & Zainol, R. M. (2017). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah (Deciphering the Malaysian aboriginal low educational achievement: A look at the school accessibility issue). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, *10*(2), 189-198.

Masouleh, F. A. N., Murayama, Y., & Rho'dess, T. W. (2009). The application of GIS in education administration: Protecting students from hazardous roads. *Transactions in GIS*, *13*(1), 105–123. https://doi.org/10.1111/j.1467-9671.2008.01138.x

Mishra, M., & Chatterjee, S. (2017). School dropout susceptibility mapping with fuzzy logic - a study in the district of Purulia, India. *Human Geographies*, *11*(1), 111-128. https://doi.org/10.5719/hgeo.2017.111.7

Mo, D., Yi, H., Zhang, L., Luo, R., Rozelle, S., & Brinton, C. (2011). *LICOS Discussion Paper Series School Dropouts and Conditional Cash Transfers : Evidence from a Randomized Controlled Trial in Rural China ' s Junior High Schools*. *49*(0), 190-207.

Mokshein, S. E., Wong, K. T., & Ibrahim, H. (2016). Trends and factors for dropout among secondary school students in Perak. *Journal of Research, Policy & Practice of Teacher & Teacher Education*, *6*(1), 5-15.

Mughal, A. W., & Aldridge, J. (2017). Head Teachers' Perspectives on School Drop-Out in Secondary Schools in Rural Punjab, Pakistan. *Educational Studies*, *53*(4), 359-376. https://doi.org/10.1080/00131946.2017.1307196

Mulaku, G. C., & Nyadimo, E. (2011). GIS in education planning: The Kenyan school

mapping project. *Survey Review*, *43*(322), 567-578. https://doi.org/10.1179/003962611X13117748892155

Mussida, C., Sciulli, D., & Signorelli, M. (2018). Secondary school dropout and work outcomes in ten developing countries. *Journal of Policy Modeling*, *41*(4), 547-567. https://doi.org/10.1016/j.jpolmod.2018.06.005

Nayan, N., Hashim, Z., & Saleh, Y. (2015). *Aplikasi Model GIS @ School di Tanjong Malim*. *JANUARY 2014*.

No, F., & Hirakawa, Y. (2012). Identifying causes of dropout through longitudinal quantitative analysis in rural Cambodian basic schools. *Journal of International Development and Cooperation*, *19*(1), 25-39.

Parvin, F., Najmul Islam Hashmi, S., & Ali, S. A. (2019). Appraisal of infrastructural amenities to analyze spatial backwardness of Murshidabad district using WSM and GIS-based kernel estimation. *GeoJournal*, *7*. https://doi.org/10.1007/s10708-019-10057-7

Patel, T. (2014). Dropping Out of School in Malaysia: What we know and what needs to be done. *Policy IDEAS*, *14*, 1-3.

Peraita, C., & Pastor, M. (2002). The Primary School Dropout in Spain: The Influence of Family Background and Labor Market Conditions. *Education Economics*, *8*(2), 157-168. https://doi.org/10.1080/096452900410721

Prevatt, F., & Kelly, F. D. (2003). *Dropping out of school : A review of intervention programs*. *41*, 377–395. https://doi.org/10.1016/S0022-4405(03)00087-6

Prof, A., Constantin, P. H. D., Ncuși, B. R. Â., & Jiu, T. (2018). *Annals of the „Constantin Brâncuşi" University of Târgu Jiu, Economy Series, Issue 1 /2018*. *1*.

Raimondi, E., & Vergolini, L. (2019). Everyone in school: The effects of compulsory

schooling age on drop-out and completion rates. *European Journal of Education*, 471-490. https://doi.org/10.1111/ejed.12356

Rasmy, M. I., Selvadurai, S., & Sulehan, J. (2017). Social Environmental Determinants of Student Dropout in the Plantation Settlement. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, *13*(2), 54-64.

Regina, N. O., & Stella, O. O. (2010). Perceived factors responsible for dropout in primary schools in delta Central Senatorial District, Nigeria. *Pakistan Journal of Social Sciences*, *7*(5), 365-370.

Roberto, C. A., & Kawachi, I. (Eds.). (2016). *Behavioral economics and public health*.New York, NY: Oxford University Press.

Roebuck, M. C., French, M. T., & Dennis, M. L. (2004). Adolescent marijuana use and school attendance. *Economics of Education Review*, *23*(2), 133-141. https://doi.org/10.1016/S0272-7757(03)00079-7

Rumberger, R. W., Ghatak, R., Poulos, G., Ritter, P. L., Sanford, M., Rumberger, W., Ritter, P. L., & Dornbusch, M. (1990). Family Influences on Dropout Behavior in California high School. *Sociology of Education*, *63 (Octobe*(4), 283-299.Rumberger, R. W., & Thomas, S. L. (2000). Sage Publications, Inc. American Sociological Association. *Sociology of Education*, *73*(1), 39-67.

Sang, A. K., Koros, P. K. &, & Bosire, J. N. (2013). An Analysis on Dropout Levels of Public Secondary Schools in Kericho District in Relation to Selected School Characteristics. *International Education Studies*, *6*(7). https://doi.org/10.5539/ies.v6n7p247

Saporito, S. (2017). Shaping Income Segregation in Schools: The Role of School Attendance Zone Geography. *American Educational Research Journal*, *54*(6), 1345-

1377. https://doi.org/10.3102/0002831217724116

Schultz, L. M. (2014). Inequitable Dispersion: Mapping the Distribution of Highly Qualified Teachers in St. Louis Metropolitan Elementary Schools. *Educational Policy Analysis and Archives*, *22*(90), 1-24.

Shahidul, S. M. (2013). Household Decision-Making Process : It ' s Effect on School Dropout Behavior for Girls in the Secondary School Level in Bangladesh. *International Education Studies*, *6*(1), 132-141. https://doi.org/10.5539/ies.v6n1p132

Sharp, C. (2002). School Starting Age : European Policy and Recent Research. *When Should Our Children Start School?*, *November*, 1-26. https://doi.org/10.1002/jssc.200700572

Sohoni, D., & Saporito, S. (2009). Mapping school segregation: Using GIS to explore racial segregation between schools and their corresponding attendance areas. *American Journal of Education*, *115*(4), 569–600. https://doi.org/10.1086/599782

South, S. J., Haynie, D. L., & Bose, S. (2007). Student mobility and school dropout. *Social Science Research*, *36*(1), 68-94. https://doi.org/10.1016/j.ssresearch.2005.10.001

Stephen, Lamb & Markussen, E. (2011). *School Dropout and Completion* (J. P. Lamb, Stephen, Mrakussen, Eifred, Teese, Richard, Sandberg, Nina (ed.).

Stinebrickner, R., & Stinebrickner, T. (2014). Academic Performance and College Dropout: Using Longitudinal Expectations Data to Estimate a Learning Model. *Journal of Labor Economics*, *32*(3), 601-644. https://doi.org/10.1086/675308

Suhyun, S., & Jingyo, S. (2011). Changing Pattern and Process of High School Dropouts between 1980s and 2000s. *Educational Research Quarterly*, *34*(4), 3-13. http://search.ebscohost.com.ezproxy.liberty.edu:2048/login.aspx?direct=true&db=ehh&AN=61865392&site=ehost-live&scope=site

Taş, A., Selvìtopu, A., Bora, V., & Demìrkaya, Y. (2013). Reasons for dropout for vocational high school students. *Kuram ve Uygulamada Egitim Bilimleri*, *13*(3), 1561-1565. https://doi.org/10.12738/estp.2013.3.1398

UNDP. (2016). Malaysia Millennium Development Goals Report, 2015. In *United Nations Malaysia* (Vol. 53, Issue 9). https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.00

Wan, C. Da, Sirat, M., & Razak, D. A. (2018). Education in Malaysia Towards a Developed Nation. *Yusof Ishak Institute*, 20.

Wang, Y. (2012). Education in a Changing World: Flexibility, Skills and Employ ability. *World Bank*.

Wan Ibrahim, W.Y. (2008). Permodelan reruang GIS dalam perancangan dan pengurusan sumber asli. *Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia* (1-15).

White, J. S., & Dow, W. H. (2016). Intertemporal choices for health. In C. A. Roberto & I. Kawachi (Eds.), *Behavioural economics & public health* (pp. 27-68). New York, NY: Oxford University Press.

Wiltz, J., & Slate, J. R. (2016). Differences in dropout rates by ethnicity/race of middle school students: A multi-year analysis. *Global Journal of Human-Social Science Research,* 16(8), 30-34.

Yang, Y., Sun, Y., & Yang, Y. (2017). Analysis of spatial accessibility for rural school redistricting in West China: A case study of the Primary Schools in Zhenyuan County, Yunnan Province. *Proceedings-2017 4th International Conference on Information Science and Control Engineering, ICISCE 2017*, 193-197.

Yoon, E. S., & Lubienski, C. (2018). Thinking Critically in Space: Toward a Mixed-Methods Geospatial Approach to Education Policy Analysis. *Educational Researcher*, *47*(1), 53–61. https://doi.org/10.3102/0013189X17737284

APENDIKS

Apendiks A: Penerbitan

1. **Danggat, Chabo** dan Tarmiji, Masron (2019) *Analisis Hotspot Keciciran Murid Sekolah Menengah Di Sarawak.* Faculty of Social Sciences and Humanities Research Review 2019. p. 25.

2. Jubit, Norita, Tarmiji Masron, Mohd Norarshad Nordin dan **Danggat Chabo**. *Aplikasi GIS Dalam Mengenal Pasti Kawasan Hot Spot Jenayah Harta Benda Di Kuching, Sarawak.* Geografia 15, no. 4 (2019).

3. Nur Faziera, Y., Ailis Elizabeth, E., **Danggat, C**., & Tarmiji, M. (2020). *Coronavirus (COVID-19): Density Risk Mapping Using Population And Housing Census Of Malaysia 2010.* GEOGRAFI, 8(2), 21-47.

4. Tarmiji, Masron, **Danggat, Chabo,** Nur Faziera, Yaakub, Ailis Elizaberth, Epa, Ahmad Hata, Rasit, Mohamad Suhaidi, Salleh and Sharizal,Hashim and Mohd Hairulnizam, Mohd Zamri (2020) *Coronavirus (COVID-19) Post- Control Study of University Students: Case Study of Spatial Distribution of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Students and National COVID-19 Cases.* CSIDH, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.

5. Shabariah Sepik @ Sipik, Norita Jubit, **Danggat Chabo**, Tarmiji Masron (2022). Aplikasi Gis Dalam Analisis Ruangan Institusi Pendidikan Prasekolah Kerajaan Dan Tadika Swasta Di Kuching Sarawak, *Malaysian Journal of Tropical Geography (MJTG)* 48 (1), 73-93

6. **Danggat Chabo**,Tarmiji Masron, Norita Jubit & Nur Faziera Yaakub(2022). Spatial Temporal of School Dropout Hot Spot: A Case Study of Sarawak District Education S. *Geografi*, Volume 10 (2), 54-68.

Apendiks B: Surat Kelulusan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAKS : 0388846579

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3-eras(1759)
Tarikh : 9 September 2018

DANGGAT ANAK CHABO
NO. KP : 770913135147

NO. 29, LORONG 1B, PENRISSEN HEIGHT
BATU 11, JALAN KUCHING-SERIAN 93250 KUCHING
SARAWAK

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan.

" ANALISIS RUANGAN KECICIRAN MURID SEKOLAH MENENGAH DI SARAWAK "

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **10 September 2018** hingga **8 Februari 2019** .

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini.Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Ketua Sektor
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIADA TANDATANGAN DIPERLUKAN *

Apendiks C: Surat Kelulusan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082-473445
Faks : 082-473684
Emel : *unitlatihan007@gmail.com*

Ruj Kami : JPNSW.SKPP.LAT.600-1/1/1Jld2(88)
Tarikh : 18 September 2018

Danggat Anak Chabo

No.29, Lorong 1B, Penrissen Height
Batu 11, Jalan Kuching-Serian
93250 Kuching

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH, INSTITUT-INSTITUT PERGURUAN, JABATAN PENDIDIKAN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada dasarnya Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak tiada sebarang halangan untuk membenarkan tuan menjalankan kajian bertajuk :

" Analisis Ruangan Keciciran Murid Sekolah Menengah di Sarawak "

3. Diingatkan bahawa sepanjang tempoh kajian tersebut, tuan adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa dan menjalankan kajian seperti tajuk yang diluluskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bil. KPM.600-3/2/3-eras(1759) bertarikh 9 September 2018.

4. Jabatan ini memohon agar sesalinan laporan kajian dihantar ke Unit Latihan Dan Kemajuan Staf, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sebaik sahaja selesai untuk tujuan rekod dan rujukan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

[KUSWADY BIN CHIL]
Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak